

## IXUS 180

# Panduan Pengguna Kamera


### B.MALAYSIA

- Pastikan anda membaca panduan ini, termasuk bahagian “Peringatan Keselamatan” (📖6), sebelum menggunakan kamera.
- Membaca panduan ini akan membantu anda belajar menggunakan kamera dengan betul.
- Simpan panduan ini dengan selamat supaya anda boleh menggunakannya pada masa hadapan.
- Klik butang di bahagian bawah sebelah kanan untuk mengakses halaman yang lain.
  - ▶: Halaman seterusnya
  - ◀: Halaman sebelumnya
  - 🏠: Halaman sebelum anda mengklik pautan
- Untuk melangkau ke permulaan sesuatu bab, klik tajuk bab di bahagian kanan.  
Dari halaman tajuk bab, anda boleh mengakses tajuk dengan mengklik tajuknya.



## Kandungan Bungkus


Sebelum penggunaan, pastikan item berikut termasuk di dalam bungkus. Jika ada apa-apa yang hilang, hubungi peruncit kamera anda.




Kamera



Pek Bateri  
NB-11L\*



Pengecas Bateri  
CB-2LFE



Tali Pergelangan Tangan


Bahan Bercetak

\* Jangan tanggalkan penutup pelekat dari pek bateri.

- Kad memori tidak disertakan (📄2).

## Kad Memori Serasi

Kad memori (dijual berasingan) berikut dapat digunakan tanpa mengambil kira kapasitinya.

- Kad memori SD\*
- Kad memori SDHC\*
- Kad memori SDXC\* 

\* Kad mematuhi standard SD. Walau bagaimanapun, bukan semua kad memori telah disahkan dapat berfungsi dengan kamera.

## Nota Awalan dan Maklumat Undang-undang

- Ambil dan semak lalu beberapa tangkapan ujian terlebih dahulu untuk memastikan imej direkod dengan betul. Sila ambil perhatian bahawa Canon Inc., anak syarikat dan gabungan serta penganjarnya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang timbul akibat daripada sebarang kepincangan pada kamera atau aksesori, termasuk kad memori yang mengakibatkan kegagalan imej untuk direkod atau untuk direkod dengan cara yang boleh dibaca oleh mesin.
- Imej yang direkod oleh kamera adalah untuk penggunaan peribadi. Elakkan rakaman tanpa izin yang melanggar undang-undang hak cipta dan ambil perhatian bahawa walaupun untuk penggunaan peribadi, fotografi mungkin bertentangan dengan hak cipta atau hak undang-undang yang lain pada sesetengah pertunjukan atau pameran atau dalam persekitaran komersil.
- Jaminan kamera hanya sah di kawasan pembelian. Jika kamera bermasalah semasa berada di luar negara, kembali ke kawasan pembelian sebelum menghubungi Canon Customer Support Help Desk.
- Walaupun skrin (monitor) dihasilkan dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terpercil, sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini tidak menunjukkan kerosakan pada kamera atau mempengaruhi imej yang direkod.
- Apabila kamera digunakan untuk jangka masa yang lama, kamera mungkin menjadi panas. Ini tidak menandakan kerosakan.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



## Nama Komponen dan Kelaziman dalam Panduan Ini




- |   |                             |
|---|-----------------------------|
| ① Mikrofon                                      | ⑤ Butang pengatup           |
| ② Lensa   | ⑥ Lampu                     |
| ③ Pembesar suara                                | ⑦ Butang kuasa              |
| ④ Tuas zum                                      | ⑧ Denyar                    |
| Penangkapan: [📷] (telefoto) / [📷] (sudut lebar) | ⑨ [N] (Tanda N)*            |
| Main balik: [Q] (membesarkan) / [📷] (indeks)    | ⑩ Soket tripod              |
|   | ⑪ Penutup kad memori/bateri |
|   | ⑫ Cagak tali                |

\* Digunakan dengan ciri-ciri NFC (📖71).

- Mod penangkapan dan ikon serta teks pada skrin ditunjukkan dalam tanda kurung siku.
- ①: Maklumat penting yang anda patut tahu
- 📌: Nota dan tip bagi penggunaan pakar
- 📖xx: Halaman dengan maklumat berkaitan (dalam contoh ini, "xx" mewakili nombor halaman)
- Tab yang ditunjukkan di atas tajuk menunjukkan sama ada fungsi digunakan untuk imej pegun, filem, atau kedua-duanya.

**Imej Pegun** : Menunjukkan bahawa fungsi tersebut digunakan apabila menangkap atau melihat imej pegun.

**Filem** : Menunjukkan bahawa fungsi tersebut digunakan apabila merakam atau menonton filem.



- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| ① Skrin (monitor)                                 | ⑥ Penunjuk                         |
| ② Terminal AV OUT (Output audio/video) / DIGITAL  | ⑦ Butang [Wi-Fi]                   |
| ③ Butang [▶] (Main balik)                         | ⑧ Butang filem                     |
| ④ [AUTO] (Auto) / [📷] (Padam imej tunggal) / Atas | ⑨ Butang FUNC. (Fungsi) / SET      |
| ⑤ Butang [ZOOM] (Zum auto) / Kiri                 | ⑩ Butang [📷] (Denyar) / Kanan      |
|   | ⑪ Butang [INFO] (Maklumat) / Bawah |
|   | ⑫ Butang [MENU]                    |

- Dalam panduan ini, ikon pada butang atau yang sebetulnya dengannya digunakan untuk mewakili butang dan suis kamera.
- Butang dan kawalan kamera yang berikut diwakili oleh ikon.

[▲] Butang atas ④ di belakang      [▶] Butang kanan ⑩ di belakang  
[◀] Butang kiri ⑤ di belakang      [▼] Butang bawah ⑪ di belakang

- Arahan dalam panduan ini digunakan untuk kamera di bawah tetapan laai.
- Untuk kemudahan, semua kad memori yang disokong hanya dirujuk sebagai "kad memori".

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Jadual Kandungan

Kandungan Bungkus ..... 2	<b>Mod Auto ..... 23</b>
Kad Memori Serasi ..... 2	Menangkap dengan Tetapan yang Ditentukan oleh Kamera ..... 24
Nota Awalan dan Maklumat Undang-undang ..... 2	Ciri-Ciri Mudah dan Biasa ..... 28
Nama Komponen dan Kelaziman dalam Panduan Ini ..... 3	Ciri Penyesuaian Imej ..... 34
Jadual Kandungan ..... 4	Menyesuaikan Operasi Kamera ..... 35
Operasi Kamera Biasa ..... 5	<b>Mod Penangkapan Lain ..... 36</b>
Peringatan Keselamatan ..... 6	Pemandangan Tertentu ..... 37
<b>Panduan Asas ..... 9</b>	Menggunakan Kesan Khas ..... 38
Persediaan Awal ..... 10	Mod Khas untuk Tujuan Lain ..... 41
Mencuba Kamera ..... 14	<b>Mod P ..... 43</b>
<b>Panduan Lanjutan ..... 17</b>	Penangkapan dalam AE Program (Mod [P]) ..... 44
<b>Asas Kamera ..... 17</b>	Kecerahan Imej (Pendedahan) ..... 44
Hidup/Mati ..... 18	Melaraskan White Balance ..... 46
Butang Pengatup ..... 19	Julat Penangkapan dan Fokus ..... 47
Pilihan Paparan Tangkapan ..... 19	Denyar ..... 51
Menggunakan Menu FUNC ..... 20	Tetapan Lain ..... 52
Menggunakan Skrin Menu ..... 21	<b>Mod Main Balik ..... 55</b>
Papan Kekunci Pada Skrin ..... 22	Melihat ..... 56
Paparan Penunjuk ..... 22	Semak lalu dan Menuras Imej ..... 57
	Pilihan Melihat Imej ..... 59
	Melindungi Imej ..... 60

Memadamkan Imej ..... 63	<b>Aksesori ..... 105</b>
Memutar Imej ..... 65	Peta Sistem ..... 106
Mengetag Imej sebagai Kesukaan ..... 66	Aksesori Pilihan ..... 107
Mengedit Imej Pegun ..... 67	Menggunakan Aksesori Pilihan ..... 108
<b>Fungsi Wi-Fi ..... 69</b>	Menggunakan Perisian ..... 109
Ciri Wi-Fi Tersedia ..... 70	Mencetak Imej ..... 112
Menghantar Imej ke Telefon Pintar ..... 70	<b>Lampiran ..... 120</b>
Menyimpan Imej ke Komputer ..... 76	Penyelesaian masalah ..... 121
Menghantar Imej ke Perkhidmatan Web Berdaftar ..... 82	Mesej Pada Skrin ..... 124
Mencetak Imej secara Wayarles dari Pencetak yang Bersambung ..... 86	Maklumat Pada Skrin ..... 127
Menghantar Imej ke Kamera Lain ..... 87	Jadual Fungsi dan Menu ..... 129
Pilihan Menghantar Imej ..... 89	Peringatan Pengendalian ..... 135
Menghantar Imej secara Automatik (Penyegerakan Imej) ..... 91	Spesifikasi ..... 135
Menggunakan Telefon Pintar untuk Melihat Imej Kamera dan Mengawal Kamera ..... 93	Indeks ..... 139
Mengedit atau Memadamkan Tetapan Wi-Fi ..... 94	Peringatan Wi-Fi (LAN Wayarles) ..... 141
<b>Menu Tetapan ..... 97</b>	
Melaraskan Fungsi Kamera Asas ..... 98	

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Operasi Kamera Biasa

## Menangkap

- Gunakan tetapan yang ditentukan oleh kamera (Mod Auto)..... 24


Menangkap orang dengan baik



Potret  
(37)

Memadankan dengan pemandangan tertentu



Cahaya Malam  
(37)



Bunga Api  
(37)

Menggunakan kesan khas




Warna Terang  
(38)



Kesan Poster  
(38)



Kesan Mata Ikan  
(38)



Kesan Miniatur  
(39)



Kesan Kamera Mainan  
(40)



Monokrom  
(40)

- Fokus pada wajah..... 24, 37, 48
- Tanpa menggunakan denyar (Denyar Dinyahaktifkan)..... 32, 52
- Masukkan diri anda ke dalam tangkapan (Pemasa Kendiri)..... 30, 41
- Tambah cop tarikh..... 32

## Melihat

- Melihat imej (Mod Main balik) ..... 56
- Main balik automatik (Tayangan Slaid) ..... 59
- Pada TV ..... 108
- Pada komputer..... 109
- Semak lalu imej dengan pantas..... 57
- Padam imej..... 63

## Merakam/Melihat Filem

- Merakam filem..... 24
- Melihat filem (Mod Main balik) ..... 56

## Mencetak

- Cetak imej .....112

## Simpan

- Simpan imej ke komputer .....110

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Peringatan Keselamatan

- Sebelum menggunakan produk ini, pastikan anda telah membaca peringatan keselamatan yang diterangkan di bawah. Sentiasa pastikan produk digunakan dengan betul.
- Peringatan keselamatan yang diterangkan di sini adalah untuk menghalang anda dan orang lain daripada mengalami kecederaan atau menimbulkan kerosakan harta benda.
- Pastikan juga untuk melihat panduan yang disertakan untuk setiap aksesori yang dijual berasingan yang anda gunakan.



### Amaran

Menandakan kemungkinan kecederaan yang serius atau kematian.

- **Jangan gunakan denyar dalam jarak yang dekat dengan mata orang.**  
Pendedahan kepada cahaya terlalu terang yang dihasilkan oleh denyar mungkin merosakkan penglihatan. Secara khususnya, kekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter (3.3 kaki) dari bayi apabila menggunakan denyar.
- **Simpan peralatan ini di luar capaian kanak-kanak dan bayi.**  
Tali yang terlilit di sekeliling leher anak kecil mungkin menyebabkan kesesakan nafas.  
Jika produk anda menggunakan kord kuasa, melilit kord di sekeliling leher anak kecil dengan tidak sengaja mungkin menyebabkan kesesakan nafas.
- **Gunakan sumber kuasa yang disarankan sahaja.**
- **Jangan buka, ubah suai atau kenakan haba terhadap produk.**
- **Elakkan menjatuhkan atau mendedahkan produk terhadap hentakan yang kuat.**
- **Jangan sentuh bahagian dalaman produk jika ia rosak, seperti apabila ia jatuh.**

- **Berhenti menggunakan produk dengan segera jika produk mengeluarkan asap atau bau aneh atau berfungsi secara abnormal.**
- **Jangan gunakan pelarut organik seperti alkohol, benzin atau pencair untuk membersihkan produk.**
- **Elakkan terkena cecair dan jangan benarkan cecair atau objek asing memasuki produk.**

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jika produk basah atau jika cecair atau objek asing masuk ke dalam produk, keluarkan pek bateri/bateri atau cabut palam dengan segera.

- **Jika model anda mempunyai pemidang tilik atau lensa yang boleh ditukar, jangan lihat melalui pemidang tilik pada sumber cahaya yang terang (seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terang).**

Ini mungkin merosakkan penglihatan anda.

- **Jika model anda mempunyai lensa yang boleh ditukar, jangan biarkan lensa (atau kamera dengan lensa dipasang) pada matahari tanpa penutup lensa dipasang.**

Ini boleh mengakibatkan kebakaran.

- **Jangan sentuh produk semasa ribut petir jika ia dipasang pada sumber kuasa.**

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. Berhenti menggunakan produk dengan segera dan jarakkan diri anda daripadanya.

- **Gunakan pek bateri/bateri yang disarankan sahaja.**
- **Jangan letakkan pek bateri/bateri berhampiran atau pada nyalaan api.**

Ini mungkin menyebabkan pek bateri/bateri meletup atau bocor, mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran atau kecederaan. Jika cecair elektrolit bateri yang bocor terkena pada mata, mulut, kulit atau baju, segera basuh dengan air.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



- Jika kamera anda menggunakan pengecas bateri, ambil perhatian terhadap peringatan keselamatan berikut.
  - Cabut palam kord kuasa secara berkala dan menggunakan kain kering, lapkan sebarang debu atau kotoran yang terkumpul pada palam, bahagian luar saluran keluar kuasa dan kawasan sekelilingnya.
  - Jangan masukkan atau cabut palam dengan tangan basah.
  - Jangan gunakan peralatan melebihi kadar kapasiti sumber kuasa elektrik yang telah ditetapkan atau aksesori pendawaian. Jangan gunakan jika palam rosak atau tidak dipasang sepenuhnya pada saluran keluar kuasa.
  - Lindungi terminal atau palam daripada bersentuhan dengan debu atau benda logam (seperti pin atau kunci).
  - Jangan potong, rosakkan, ubah atau letakkan benda berat di atas kord kuasa, jika produk anda menggunakan kord kuasa.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

- **Matikan kamera di tempat yang melarang penggunaan kamera.**  
Gelombang elektromagnet yang dipancarkan oleh kamera mungkin mengganggu operasi instrumen elektronik dan peranti lain. Berhati-hati apabila menggunakan produk di tempat yang mengehadkan penggunaan peranti elektronik, seperti di dalam kapal terbang dan kemudahan perubatan.
- **Jangan benarkan kamera terkena kulit untuk jangka masa yang lama.**  
Walaupun kamera tidak berasa panas, ini mungkin menyebabkan lecuran suhu rendah, ditunjukkan dengan kulit yang kemerahan atau melepuh. Gunakan tripod di tempat yang panas atau jika anda mempunyai peredaran darah yang lemah atau kulit yang tidak sensitif.



## Peringatan

Menandakan kemungkinan kecederaan.

- Apabila membawa produk dengan tali, berhati-hati supaya kamera tidak terhentak, terkena getaran atau hentakan yang kuat atau tersangkut pada objek lain.

- **Berhati-hati supaya tidak melanggar atau menekan kuat pada lensa.**  
Ini boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan kamera.
- **Lindungi skrin daripada hentakan kuat.**  
Jika skrin retak, kecederaan mungkin berlaku akibat serpihan yang pecah.
- **Apabila menggunakan denyar, berhati-hati supaya denyar tidak ditutup oleh tangan atau pakaian anda.**  
Ini boleh menyebabkan lecuran atau kerosakan pada denyar.
- **Elakkan menggunakan, menempatkan atau menyimpan produk di tempat-tempat berikut:**
  - Tempat yang terkena sinaran matahari secara langsung
  - Tempat dengan suhu melebihi 40 °C (104 °F)
  - Tempat lembap atau berdebu

Ini mungkin menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan atau letupan pek bateri/bateri, yang mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, lecuran atau kecederaan lain.

Pemanasan berlebihan dan kerosakan mungkin mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, lecuran atau kecederaan lain.

- **Kesan peralihan tayangan slaid mungkin menyebabkan ketidakelesaan apabila dilihat untuk jangka masa yang lama.**
- **Apabila menggunakan lensa pilihan, penapis lensa atau penyesuai penapis (jika dapat diaplikasikan), pastikan untuk memasang aksesori ini dengan kukuh.**  
Jika aksesori lensa menjadi longgar atau terjatuh, lensa mungkin retak dan serpihan kaca tersebut mungkin menyebabkan luka.
- **Pada produk yang menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, pastikan untuk tidak menyentuh denyar yang sedang menurun dengan jari anda.**  
Ini boleh mengakibatkan kecederaan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Peringatan

Menandakan kemungkinan kerosakan harta.

- **Jangan halakan kamera ke sumber cahaya yang terlalu terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terlalu terang.**

Berbuat sedemikian mungkin merosakkan pengesanan imej atau komponen dalaman lain.

- **Apabila menggunakan kamera di pantai berpasir atau lokasi yang berangin, berhati-hati supaya debu atau pasir tidak masuk ke dalam kamera.**
- **Bagi produk yang dapat menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, jangan tolak denyar ke bawah atau membukanya.**

Ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- **Lapkan sebarang habuk, kotoran atau benda asing pada denyar dengan swab kapas atau kain.**

Haba yang dikeluarkan oleh denyar mungkin menyebabkan benda asing berasap atau kepincangan produk.

- **Keluarkan dan simpan pek bateri/bateri ketika produk tidak digunakan.**

Sebarang kebocoran bateri yang berlaku mungkin merosakkan produk.

- **Sebelum anda membuang pek bateri/bateri, tutup terminal dengan pita atau penebat lain.**

Bersentuhan dengan material logam lain mungkin menyebabkan kebakaran atau letupan.

- **Cabut mana-mana palam pengecas bateri yang digunakan bersama produk apabila kamera tidak digunakan. Jangan tutup kamera dengan kain atau objek lain apabila digunakan.**

Membiarkan unit di palam untuk tempoh yang terlalu lama mungkin menyebabkan pemanasan berlebihan dan herot, lalu mengakibatkan kebakaran.

- **Jangan tinggalkan pek bateri berhampiran dengan haiwan peliharaan.**

Gigitan haiwan peliharaan pada pek bateri boleh menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan atau letupan, yang mengakibatkan kebakaran atau kerosakan produk.

- **Jika produk anda menggunakan berbilang bateri, jangan gunakan bateri yang mempunyai tahap cas berbeza secara bersama dan jangan gunakan bateri lama dan baharu bersama. Jangan masukkan bateri dengan terminal + dan – terbalik.**

Ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- **Jangan duduk dengan kamera berada di dalam poket seluar anda.**

Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.

- **Apabila meletakkan kamera di dalam beg anda, pastikan bahawa objek yang keras tidak bersentuhan dengan skrin kamera. Juga tutup skrin (supaya skrin menghadap badan), jika skrin produk boleh ditutup.**

- **Jangan pasang sebarang objek keras pada produk.**

Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Panduan Asas

Maklumat dan arahan asas, dari persediaan awal hingga penangkapan dan main balik

<b>Persediaan Awal</b> .....	<b>10</b>	<b>Mencuba Kamera</b> .....	<b>14</b>
Memasang Tali .....	10	Penangkapan (Auto Pintar).....	14
Memegang Kamera.....	10	Melihat.....	15
Mengecas Pek Bateri.....	10		
Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori.....	11		
Menetapkan Tarikh dan Masa.....	12		
Bahasa Paparan .....	13		

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Persediaan Awal


Bersedia untuk menangkap seperti berikut.

### Memasang Tali



- Masukkan hujung tali melalui cagak tali (①) dan kemudian tarik hujung tali yang lain melalui lubang pada hujung bebenang (②).


### Memegang Kamera



- Lilitkan tali di pergelangan tangan anda.
- Apabila menangkap, pastikan lengan anda dekat dengan badan anda dan pegang kamera dengan mantap untuk mencegah kamera bergerak. Jangan letakkan jari anda di atas denyar.


## Mengecas Pek Bateri

Sebelum penggunaan, cas pek bateri dengan pengecas yang disertakan. Pastikan untuk mengecas pek bateri terlebih dahulu kerana kamera tidak dijual dengan pek bateri yang telah dicas.




### 1 Masukkan pek bateri.

- Selepas menjajarkan tanda ▲ pada pek bateri dan pengecas bateri, masukkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (①) dan ke bawah (②).



### 2 Caskan pek bateri.

- Pasang kord kuasa ke dalam pengecas, kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Lampu pengecasan akan beryala jingga dan pengecasan bermula.
- Apabila pengecasan selesai, warna lampu akan beryala hijau.



### 3 Keluarkan pek bateri.

- Setelah mencabut pengecas bateri, keluarkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (①) dan ke atas (②).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Untuk melindungi pek bateri dan mengekalkannya dalam keadaan optimum, jangan casnya melebihi 24 jam secara berterusan.
- Bagi pengecas bateri yang menggunakan kord kuasa, jangan pasang pengecas kuasa atau kord pada objek lain. Ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.



- Untuk butiran mengenai masa pengecasan dan bilangan tangkapan dan masa rakaman yang tersedia dengan pek bateri yang telah dicas sepenuhnya, lihat "Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main Balik" (📖137).
- Pek bateri yang telah dicas penuh akan kehilangan cas sedikit demi sedikit, walaupun kamera tidak digunakan. Caskan pek bateri pada (atau dengan segera sebelum) hari penggunaan.
- Pengecas boleh digunakan di kawasan dengan kuasa 100 – 240 V AC (50/60 Hz). Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang boleh didapati secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.




## Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori

Masukkan pek bateri yang dibekalkan dan kad memori (dijual berasingan). Ambil perhatian bahawa sebelum menggunakan kad memori yang baharu atau telah diformat dalam peranti lain, anda patut format kad memori menggunakan kamera ini (📖101).



### 1 Buka penutup.

- Luncurkan penutup (①) dan bukanya (②).



### 2 Masukkan pek bateri.

- Sewaktu menekan kunci bateri mengikut arah anak panah, masukkan pek bateri seperti yang ditunjukkan dan tolakkan bateri sehingga klik ke posisi terkunci.

### 3 Periksa suis perlindungan tulis kad anda dan masukkan kad memori.

- Rakaman tidak boleh dilakukan dengan kad memori yang mempunyai suis perlindungan tulis jika suis dalam posisi terkunci. Luncurkan suis ke posisi nyahkunci.
- Masukkan kad memori menghadap seperti yang ditunjukkan sehingga klik ke posisi terkunci.
- Pastikan kad memori menghadap arah yang betul apabila dimasukkan. Memasukkan kad memori dengan arah yang salah mungkin merosakkan kamera.


### 4 Tutup penutup.

- Turunkan penutup (①) dan tahan ke bawah apabila anda meluncurkannya, sehingga penutup klik masuk ke posisi tertutup (②).
- Jika penutup tidak boleh ditutup, pastikan anda masukkan pek bateri menghadap arah yang betul dalam langkah 2.




- Untuk panduan tentang jumlah tangkapan atau masa rakaman yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori" (137).

## Mengeluarkan Pek Bateri dan Kad Memori



### Keluarkan pek bateri.

- Buka penutup bateri dan tekan kunci bateri mengikut arah anak panah.
- Pek bateri akan keluar ke atas.




### Keluarkan kad memori.

- Tolak kad memori ke dalam sehingga ia klik dan kemudian lepaskannya secara perlahan.
- Kad memori akan keluar ke atas.

## Menetapkan Tarikh dan Masa


Jika skrin [Hb/Masa] dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera, tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti berikut. Maklumat yang ditentukan begitu akan disimpan dalam sifat imej apabila menangkap dan ia akan digunakan dalam pengurusan imej melalui tarikh tangkapan atau pencetakan imej dengan tarikh.

Anda juga boleh menambah cop tarikh pada tangkapan, jika anda ingin (32).



### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin [Hb/Masa] dipaparkan.



### 2 Tetapkan tarikh dan masa.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih item.
- Tekan butang [▲][▼] untuk menentukan tarikh dan masa.
- Apabila selesai, tekan butang [⊙].

### 3 Tentukan zon masa tempatan anda.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih zon masa tempatan anda.

### 4 Tamatkan proses persediaan.

- Tekan butang [⊙] untuk melengkapkan tetapan. Skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa.



- Jika anda tidak menetapkan tarikh, masa dan zon masa tempatan, skrin [Hb/Masa] akan dipaparkan setiap kali anda menghidupkan kamera. Tentukan maklumat yang betul.



- Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [☀] dalam langkah 2 dan kemudian pilih [☀] dengan menekan butang [▲][▼].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks




## Mengubah Tarikh dan Masa

Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.



### 1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].




### 2 Pilih [Hb./Masa].

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab [↑↓].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Hb./Masa] dan kemudian tekan butang [OK].

### 3 Tukarkan tarikh dan masa.

- Ikuti langkah 2 dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (12) untuk melaraskan tetapan.
- Tekan butang [MENU] untuk menutup skrin menu.



- Tetapan tarikh/masa boleh dikekalkan selama kira-kira 3 minggu dengan bateri tarikh/masa terbina dalam kamera (bateri sandaran) selepas pek bateri dikeluarkan.
- Bateri tarikh/masa akan dicas penuh dalam kira-kira 4 jam sebaik sahaja anda memasukkan pek bateri yang dicas penuh, walaupun kamera dibiarkan tidak aktif.
- Sebaik sahaja bateri tarikh/masa habis, skrin [Hb./Masa] akan dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera. Tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti yang diterangkan dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (12).


## Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut keperluan.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].



### 2 Akses skrin tetapan.

- Tekan dan tahan butang [OK] dan kemudian tekan butang [MENU].



### 3 Tetapkan bahasa paparan.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih bahasa dan kemudian tekan butang [OK].
- Sebaik sahaja bahasa paparan ditetapkan, skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.



- Anda juga boleh menukar bahasa paparan dengan menekan butang [MENU] dan memilih [Bahasa] pada tab [↑↓].

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




## Mencuba Kamera

Ikuti arahan berikut untuk menghidupkan kamera, menangkan imej pegun atau filem dan kemudian melihatnya.

### Penangkapan (Auto Pintar)

Untuk pemilihan tetapan optimum secara automatik penuh untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.






#### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.



#### 2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tekan butang [▲] beberapa kali sehingga [AUTO] dipaparkan.
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.
- Ikon yang mewakili mod pemandangan dan penstabilan imej dipaparkan di bahagian atas sebelah kanan skrin.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut berada dalam fokus.



### 3 Gubah tangkapan.

- Untuk zum masuk dan membesarkan subjek, gerakkan tuas zum ke arah [📷] (teletoto), dan untuk zum keluar dari subjek, gerakkannya ke arah [📷] (sudut lebar).

### 4 Tangkap. Menangkap Imej Pegun

#### ① Fokus.

- Tekan butang pengatup dengan perlahan, separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang berada dalam fokus.


#### ② Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap, dan dalam keadaan cahaya malap, denyar akan bernyala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.





Masa Berlalu



## Merakam Filem

### ① Mula merakam.


- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu.
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin dan subjek akan dibesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah berada dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.

### ② Selesai merakam.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Kamera berbunyi bip dua kali ketika rakaman berhenti.

## Melihat

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.

### 2 Pilih imej.








- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀]. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶].
- Tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk menyemak lalu imej dengan cepat.

- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.





### 3 Main filem.

- Tekan butang , tekan butang  untuk memilih  dan kemudian tekan butang  sekali lagi.
- Main balik kini bermula dan setelah filem tamat, **[SET ▶]** dipaparkan.
- Untuk melaraskan volum, tekan butang  semasa main balik.



- Untuk menukar kepada mod Penangkapan daripada mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

### ■ Memadamkan Imej








Anda boleh memilih dan memadamkan imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan.




#### 1 Pilih imej untuk dipadamkan.

- Tekan butang  untuk memilih imej.

#### 2 Padam imej.

- Tekan butang .
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang  untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang .
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pepadaman, tekan butang  untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang .



- Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadamkan sekali gus  (63).




## Asas Kamera

Operasi asas yang lain dan lebih banyak cara untuk menikmati kamera anda, termasuk pilihan penangkapan dan main balik

Hidup/Mati.....	18	Menggunakan Menu FUNC.....	20
Ciri Jimat Kuasa (Mati secara Auto).....	18	Menggunakan Skrin Menu.....	21
Butang Pengatup .....	19	Papan Kekunci Pada Skrin.....	22
Pilihan Paparan Tangkapan .....	19	Paparan Penunjuk.....	22



## Hidup/Mati





### Mod Penangkapan




- Tekan butang kuasa untuk menghidupkan kamera dan bersedia untuk penangkapan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa sekali lagi.



### Mod Main Balik

- Tekan butang  untuk menghidupkan kamera dan melihat tangkapan anda.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang  sekali lagi.




- Untuk menukar kepada mod Main balik daripada mod Penangkapan, tekan butang .
- Untuk menukar kepada mod Penangkapan daripada mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah (19).
- Lensa akan ditarik balik selepas kira-kira satu minit sebaik sahaja kamera berada dalam mod Main balik. Anda boleh mematikan kamera apabila lensa ditarik balik dengan menekan butang .

## Ciri Jimat Kuasa (Mati secara Auto)

Sebagai satu cara untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera akan menyahaktifkan skrin secara automatik (Paparan Padam) dan kemudian terpadam dengan sendiri selepas tempoh ketidakaktifan yang tertentu.



### Jimat Kuasa dalam Mod Penangkapan

Skrin dinyahaktifkan secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira satu minit. Dalam kira-kira dua minit selepas itu, lensa ditarik balik dan kamera mematikan diri sendiri. Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih di luar, tekan butang pengatup separuh ke bawah (19).

### Jimat Kuasa dalam Mod Main Balik

Kamera mematikan sendiri secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira lima minit.



- Anda boleh menyahaktifkan Mati secara Auto dan melaraskan masa Paparan Padam, jika anda suka (100).
- Jimat kuasa tidak aktif semasa kamera disambung ke komputer (110).

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Butang Pengatup


Untuk memastikan tangkapan anda berada dalam fokus, sentiasa bermula dengan menahan butang pengatup separuh ke bawah dan sebaik sahaja subjek berada dalam fokus, tekan butang sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.

Dalam manual ini, operasi butang pengatup diterangkan sebagai menekan butang *separuh* atau *sepenuhnya ke bawah*.



### 1 Tekan butang separuh ke bawah. (Tekan dengan perlahan untuk fokus.)

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang berada dalam fokus.



### 2 Tekan sepenuhnya ke bawah. (Dari posisi separa, tekan sepenuhnya untuk menangkap.)

- Kamera menangkap ketika bunyi pengatup dimainkan.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.

- ! Imej mungkin di luar fokus jika anda menangkap tanpa menekan butang pengatup separuh ke bawah terlebih dahulu.
- Panjang tempoh main balik bunyi pengatup berbeza bergantung pada masa yang diperlukan untuk tangkapan. Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama dalam sesetengah pemandangan penangkapan dan imej akan menjadi kabur jika anda menggerakkan kamera (atau subjek bergerak) sebelum bunyi pengatup berhenti.

## Pilihan Paparan Tangkapan

Tekan butang [▼] untuk melihat maklumat lain pada skrin atau menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat "Maklumat Pada Skrin" (📖127).



Maklumat dipaparkan



Tiada maklumat dipaparkan



- Kecerahan skrin bertambah secara automatik oleh fungsi pandangan malam apabila anda menangkap dalam cahaya malam, menjadikannya lebih mudah untuk memeriksa bagaimana tangkapan dihasilkan. Walau bagaimanapun, kecerahan imej pada skrin mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda. Ambil perhatian bahawa apa-apa gangguan imej pada skrin atau gerakan subjek yang tersentak-sentak tidak akan mempengaruhi imej yang direkod.
- Bagi pilihan paparan main balik, lihat "Menukar Mod Paparan" (📖57).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menggunakan Menu FUNC.

Konfigurasi fungsi yang biasa digunakan melalui menu FUNC. seperti berikut.

Sila ambil perhatian bahawa item menu dan pilihan berbeza bergantung pada mod penangkapan (📖 130 – 131) atau mod main balik (📖 134).



### 1 Akses menu FUNC.

- Tekan butang [FUNC].



Pilihan

Item Menu

### 2 Pilih item menu.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item menu dan kemudian tekan butang [FUNC] atau [▶].
- Bergantung pada item menu, fungsi boleh ditentukan hanya dengan menekan butang [FUNC] atau [▶], atau skrin yang lain dipaparkan untuk mengkonfigurasi fungsi.



### 3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan.
- Item yang dilabelkan dengan ikon [MENU] boleh dikonfigurasi dengan menekan butang [MENU].
- Untuk kembali ke item menu, tekan butang [◀].



### 4 Tamatkan proses persediaan.

- Tekan butang [FUNC].
- Skrin sebelum anda menekan butang [FUNC] pada langkah 1 akan dipaparkan semula, menunjukkan pilihan yang anda konfigurasi.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (📖 104).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



## Menggunakan Skrin Menu

Konfigurasi pelbagai fungsi kamera melalui skrin menu seperti berikut. Item menu dikumpul berdasarkan fungsinya pada tab, seperti penangkapan [📷], main balik [⏮] dan seterusnya. Ambil perhatian bahawa item menu yang tersedia berbeza bergantung pada mod penangkapan atau mod main balik yang dipilih (📖 132 – 134).





### 1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].



### 2 Pilih tab.

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab.
- Selepas anda menekan butang [▲][▼] untuk memilih tab pada mulanya, anda boleh menukar antara tab dengan menekan butang [◀][▶].



### 3 Pilih item menu.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item.
- Untuk pilihan dalam item menu yang tidak ditunjukkan, mula-mula tekan butang [📷] atau [▶] untuk menukar skrin dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk memilih item menu.
- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, tekan butang [MENU].

### 4 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan.

### 5 Tamatkan proses persediaan.

- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang [MENU] dalam langkah 1.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (📖 104).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Papan Kekunci Pada Skrin

Gunakan papan kekunci pada skrin untuk memasukkan maklumat bagi sambungan Wi-Fi (📖69). Ambil perhatian bahawa panjang dan jenis maklumat yang anda boleh masukkan berbeza bergantung pada fungsi yang sedang anda gunakan.



### Memasukkan Aksara

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih aksara dan kemudian tekan butang [📄] untuk memasukkannya.

### Menggerakkan Kursor

- Pilih [◀] atau [▶] dan tekan butang [📄].

### Memadamkan Aksara

- Pilih [🗑️] dan tekan butang [📄]. Aksara sebelumnya akan dipadamkan.

### Mengesahkan Input dan Kembali ke Skrin Sebelumnya

- Tekan butang [MENU].



## Paparan Penunjuk

Penunjuk di belakang kamera (📖3) berkelip hijau pada masa ini.

- Bersambung ke komputer (📖110)
- Paparan dimatikan (📖18, 100, 110)
- Sedang bermula, merakam atau membaca
- Berkomunikasi dengan peranti lain
- Menangkap pendedahan lama (📖42)
- Menyambung/memindah melalui Wi-Fi



- Apabila penunjuk berkelip hijau, jangan matikan kamera atau buka penutup kad memori/bateri, goncang atau hentakkan kamera. Ini mungkin merosakkan imej, kamera atau kad memori.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Mod Auto

Mod senang bagi tangkapan mudah dengan kawalan penangkapan yang lebih baik

<b>Menangkap dengan Tetapan yang Ditetapkan oleh Kamera.....</b>	<b>24</b>	<b>Ciri-Ciri Mudah dan Biasa .....</b>	<b>28</b>	<b>Ciri Penyesuaian Imej .....</b>	<b>34</b>
Penangkapan (Auto Pintar).....	24	Zum Lebih Dekat ke Subjek (Zum Digital) .....	28	Menukar Bilangan Piksel (Saiz Imej) .....	34
Ikon Pemandangan .....	27	Mengezum secara Auto sebagai Tindak Balas terhadap Pergerakan Subjek (Zum Auto).....	29	Menukar Kualiti Imej Filem.....	34
Ikon Penstabilan Imej.....	27	Menggunakan Pemasa Kendiri .....	30	<b>Menyesuaikan Operasi Kamera .....</b>	<b>35</b>
Bingkai Pada Skrin.....	28	Menyahaktifkan Denyar .....	32	Menyahaktifkan Lampu .....	35
		Menambah Cop Tarikh .....	32		
		Penangkapan Berterusan .....	33		

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




## Menangkap dengan Tetapan yang Ditetapkan oleh Kamera

Untuk pemilihan tetapan optimum secara automatik penuh untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.

Imej Pegun

Filem

### Penangkapan (Auto Pintar)




#### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.





#### 2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tekan butang [▲] beberapa kali sehingga [AUTO] dipaparkan.
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.
- Ikon yang mewakili mod pemandangan dan penstabilan imej dipaparkan pada sebelah kanan bahagian atas skrin (📷 27, 27).
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut berada dalam fokus.



Bar zum



#### 3 Gubah tangkapan.

- Untuk zum masuk dan membesarkan subjek, gerakkan tuas zum ke arah [📷] (telefoto), dan untuk zum keluar dari subjek, gerakkannya ke arah [📷] (sudut lebar). (Bar zum yang menunjukkan posisi zum dipaparkan.)

#### 4 Tangkap. Menangkap Imej Pegun

##### 1 Fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang berada dalam fokus.
- Beberapa bingkai AF dipaparkan ketika beberapa kawasan berada dalam fokus.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





## ② Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap, dan dalam keadaan cahaya malam, denyar akan bernyala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.





Masa Berlalu



## Merakam Filem

### ① Mula merakam.

- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu.
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin dan subjek akan dibesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah berada dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.



## ② Tukarkan saiz subjek dan gubah semula tangkapan mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz subjek, ulangi operasi dalam langkah 3 (24). Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa bunyi operasi kamera akan dirakam. Ambil perhatian bahawa filem yang dirakam pada faktor zum ditunjukkan dalam warna biru akan kelihatan berbintik.
- Apabila anda menggubah semula rakaman, fokus, kecerahan dan warna akan dilaraskan secara automatik.

## ③ Selesai merakam.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Kamera berbunyi bip dua kali ketika rakaman berhenti.
- Rakaman akan berhenti secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.



## Imej Pegun/Filem



- Jika kamera tidak menghasilkan bunyi operasi, ia mungkin telah dihidupkan semasa menahan butang [▼]. Untuk mengaktifkan bunyi, tekan butang [MENU], pilih [Bisu] pada tab [🔊] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam].

## Imej Pegun




- Ikon [📷] yang berkelip memberi amaran bahawa imej mungkin kabur akibat goncangan kamera. Dalam keadaan ini, pasang kamera pada tripod atau gunakan cara lain untuk mencegah kamera bergerak.
- Jika tangkapan anda gelap walaupun denyar bernyala, gerak lebih dekat ke subjek itu. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat “Kamera” (📖135).
- Subjek mungkin terlalu dekat jika kamera hanya bip sekali apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Untuk butiran tentang julat fokus (julat penangkapan), lihat “Julat Penangkapan” (📖137).
- Untuk mengurangkan mata merah dan membantu fokus, lampu mungkin menyala apabila menangkap dalam keadaan cahaya malap.
- Ikon [📷] yang berkelip dipaparkan apabila anda cuba menangkap, menunjukkan bahawa penangkapan tidak boleh dilakukan sehingga denyar telah dicas semula. Penangkapan boleh diteruskan ketika denyar bersedia, maka tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dan tunggu atau lepaskan butang pengatup dan tekan sekali lagi.
- Walaupun anda boleh menangkap semula sebelum skrin penangkapan dipaparkan, tangkapan anda yang sebelumnya mungkin menentukan fokus, kecerahan dan warna yang digunakan.



- Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan selepas tangkapan (📖53).

## Filem



- Jangan menghalang mikrofon dengan jari anda ketika merakam filem. Menghalang mikrofon mungkin akan menghalang bunyi daripada dirakam atau mungkin menyebabkan rakaman bunyi teredam.

- Elakkan daripada menyentuh kawalan kamera selain daripada butang filem apabila merakam filem, kerana bunyi yang dihasilkan oleh kamera akan dirakam.
- Sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama yang dipaparkan sebelum merakam, laraskan tetapan penstabilan imej (📖54).



- Rakaman audio ialah monoaural.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Ikona Pemandangan

Dalam mod [AUTO], pemandangan penangkapan yang ditentukan oleh kamera ditunjukkan oleh ikon yang dipaparkan dan tetapan sepadan dipilih secara automatik untuk fokus, kecerahan subjek dan warna yang optimum.

Latar belakang	Subjek	Orang		Subjek Lain			Warna Latar belakang Ikon
		Sedang Bergerak*1	Bayang pada Wajah*1	Sedang Bergerak*1	Pada Jarak Dekat		
Cerah							Kelabu
	Cahaya Belakang			-			
Dengan Langit Biru							Biru Muda
	Cahaya Belakang			-			
Matahari terbenam		-				-	Jingga
Lampu sorot							Biru Tua
Gelap							
Tripod Digunakan		*2	-	*2		-	

\*1 Tidak dipaparkan untuk filem.

\*2 Dipaparkan dalam pemandangan gelap apabila kamera dipegang dengan pegun, seperti dipasang pada tripod.

- Cuba menangkap dalam mod [P] (43) jika ikon pemandangan tidak padan dengan keadaan penangkapan sebenar atau jika menangkap dengan kesan, warna atau kecerahan yang anda jangkakan tidak boleh dilakukan.

## Ikona Penstabilan Imej

Penstabilan imej yang optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS). Selain itu, ikon berikut dipaparkan dalam mod [AUTO].

	Penstabilan imej untuk imej pegun (Normal)		Penstabilan imej untuk filem, mengurangkan goncangan kamera yang kuat, seperti apabila merakam sambil berjalan (Dinamik)
	Penstabilan imej untuk imej pegun apabila menyorot* (Menyorot)		Penstabilan imej untuk goncangan kamera yang perlahan, seperti apabila merakam filem dengan telefoto (Dikuasakan)
	Penstabilan imej untuk goncangan kamera bersudut dan goncangan anjakan dalam tangkapan makro (IS Hibrid).		Tiada penstabilan imej, kerana kamera dipasang pada tripod atau dipegang stabil dengan cara lain.
	Untuk filem, [] dipaparkan dan penstabilan imej [] juga digunakan.		Walau bagaimanapun, semasa rakaman filem, [] dipaparkan dan penstabilan imej untuk menentang angin atau sumber getaran yang lain digunakan (IS Tripod).

\* Dipaparkan apabila anda menyorot, mengikuti subjek yang sedang bergerak dengan kamera. Apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara mendatar, penstabilan imej hanya bertindak menentang goncangan kamera menegak dan penstabilan mendatar berhenti. Begitu juga, apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara menegak, penstabilan imej hanya berfungsi terhadap goncangan kamera mendatar.

- Untuk membatalkan penstabilan imej, tetapkan [Mod IS] kepada [Padam] (54). Dalam keadaan ini, ikon IS tidak akan dipaparkan.



## Bingkai Pada Skrin

Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek dan kamera mengesan subjek itu, pelbagai bingkai akan dipaparkan.

- Bingkai putih dipaparkan di sekeliling subjek (atau wajah seseorang) yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama dan bingkai kelabu dipaparkan di sekeliling wajah lain yang dikesan. Bingkai-bingkai mengikuti subjek yang bergerak dalam julat tertentu untuk mengekalkan mereka dalam fokus.

Walau bagaimanapun, jika kamera mengesan pergerakan subjek, hanya bingkai putih dipaparkan pada skrin.

- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kamera mengesan pergerakan subjek, bingkai biru akan dipaparkan dan fokus serta kecerahan imej akan dilaraskan secara berterusan (AF Servo).




- Cuba menangkap dalam mod **[P]** (43) jika tiada bingkai dipaparkan, jika bingkai tidak dipaparkan di sekeliling subjek yang diinginkan atau jika bingkai dipaparkan di latar belakang atau kawasan serupa.

## Ciri-Ciri Mudah dan Biasa

### Zum Lebih Dekat ke Subjek (Zum Digital)

Apabila subjek terlalu jauh untuk dibesarkan menggunakan zum optik, gunakan zum digital untuk pembesaran sehingga kira-kira 40x.



Faktor Zum



#### 1 Gerakkan tuas zum ke arah [🔍].

- Tahan tuas sehingga zum berhenti.
- Zum berhenti pada faktor zum terbesar sebelum imej menjadi terlalu berbintik dan ia akan ditunjukkan pada skrin.

#### 2 Gerakkan tuas zum ke arah [🔍] sekali lagi.


- Kamera zum masuk dengan lebih dekat kepada subjek.



- Menggerakkan tuas zum akan memaparkan bar zum (yang menunjukkan posisi zum). Bar zum berwarna berbeza untuk menunjukkan julat zum.
  - Julat putih: julat zum optik di mana imej tidak akan kelihatan berbintik.
  - Julat kuning: julat zum digital di mana imej kelihatan tidak terlalu berbintik (ZumPlus).
  - Julat biru: julat zum digital di mana imej akan kelihatan berbintik. Kerana julat biru tidak tersedia pada sesetengah tetapan piksel (34), faktor zum maksimum boleh dicapai dengan mengikuti langkah 1.
- Imej yang dizum mungkin kelihatan berbintik pada sesetengah tetapan piksel (34) dan faktor zum. Dalam keadaan ini, faktor zum dipaparkan sebagai biru.

## Mengezum secara Auto sebagai Tindak Balas terhadap Pergerakan Subjek (Zum Auto)

Kamera zum masuk dan keluar secara automatik untuk mengekalkan wajah yang dikesan (24) pada saiz yang sama. Jika orang tersebut mendekati kamera, kamera akan zum keluar secara automatik, dan begitu juga sebaliknya.



### 1 Masuk ke mod Zum Auto.

- Tekan butang [◀].
- [👤] dipaparkan.
- Bingkai putih dipaparkan di sekeliling wajah yang dikesan dan kamera zum masuk dan keluar untuk mengekalkan subjek pada skrin.
- Apabila beberapa wajah dikesan, bingkai putih dipaparkan di sekeliling wajah subjek utama dan sehingga dua bingkai kelabu di sekeliling wajah lain semasa kamera mengezum untuk mengekalkan subjek tersebut pada skrin.

### 2 Tangkap.

- Pengezum auto berterusan walaupun selepas menangkap dan bingkai masih dipaparkan.
- Untuk membatalkan pengezum auto, tekan butang [▶] sekali lagi. [👤] dipaparkan.





- Wajah mungkin tidak dikesan di sesetengah faktor zum atau jika kepala subjek miring atau menghadapi kamera secara tidak langsung.
- Pengezuman auto dilumpuhkan dalam situasi berikut.
  - Apabila anda menukar mod penangkapan
  - Apabila anda menekan butang **MENU**, butang filem atau butang
  - Apabila anda menekan butang



- Apabila subjek yang dikesan bergerak ke tepi skrin, kamera akan zum keluar untuk mengekalkan subjek pada skrin.
- Faktor zum tidak boleh ditukar selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dalam mod pemasa sendiri 30).
- Kamera mengutamakan pengezuman untuk mengekalkan subjek pada skrin. Oleh sebab ini, pengekal saiz paparan wajah yang sama mungkin tidak boleh dilakukan, bergantung pada pergerakan subjek dan keadaan penangkapan.
- Apabila tiada wajah dikesan, kamera mengezum ke tahap yang tertentu dan berhenti mengezum sehingga wajah dikesan.

## Menggunakan Pemasa Kendiri

Dengan pemasa sendiri, anda boleh memasukkan diri sendiri ke foto berkumpulan atau tangkapan pemasa lain. Kamera akan menangkap kira-kira 10 saat selepas anda menekan butang pengatup.




### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang , pilih dalam menu dan kemudian pilih (20).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, dipaparkan.

### 2 Tangkap.

- Untuk Imej Pegun: Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek dan kemudian tekan butang sepenuhnya ke bawah.
- Untuk Filem: Tekan butang filem.





- Sebaik sahaja anda memulakan pemasa sendiri, lampu akan berkelip dan kamera akan memainkan bunyi pemasa sendiri.
- Dua saat sebelum tangkapan, kelipan dan bunyi akan dipercepatkan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar beryala.)
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [↺] pada langkah 1.

Imej Pegun

Filem

## Menggunakan Pemasa Kendiri untuk Mengelakkan Goncangan Kamera

Pilihan ini menangguhkan pelepasan pengatup sehingga kira-kira dua saat selepas anda menekan butang pengatup. Jika kamera bergoncang ketika anda menekan butang pengatup, tangkapan anda tidak akan terpengaruh.



- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖30) dan pilih [↺].
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [↺] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖30) untuk menangkap.

## Menyesuaikan Pemasa Kendiri

Anda boleh menentukan tanguhan (0 – 30 saat) dan bilangan tangkapan (1 – 10).



### 1 Pilih [↺].

- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖30), pilih [↺] dan tekan butang [MENU].

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tanguhan] atau [Imej].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih nilai dan kemudian tekan butang [⏹].
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [↺] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖30) untuk menangkap.

- Bagi filem yang dirakam menggunakan pemasa sendiri, [Tanguhan] mewakili tanguhan sebelum rakaman bermula, tetapi tetapan [Imej] tidak memberi kesan.



- Apabila anda menentukan berbilang tangkapan, kecerahan imej dan white balance ditentukan oleh tangkapan pertama. Lebih banyak masa diperlukan antara tangkapan apabila denyar beryala atau apabila anda telah menentukan untuk mengambil banyak tangkapan. Penangkapan akan berhenti secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.
- Apabila tanguhan yang lebih panjang daripada dua saat ditetapkan, lampu akan berkelip dan bunyi pemasa sendiri akan dipercepatkan dua saat sebelum tangkapan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar beryala.)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menyahaktifkan Denyar

Sediakan kamera untuk penangkapan tanpa denyar seperti berikut.



- Tekan butang [▶] beberapa kali sehingga [⚡] dipaparkan.
- Denyar tidak akan diaktifkan lagi.
- Untuk mengaktifkan denyar, tekan butang [▶] sekali lagi. ([⚡] dipaparkan.) Denyar akan beryala secara automatik dalam keadaan cahaya malap.



- Jika ikon [⚡] yang berkelip dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan kamera bergoncang dan cahaya malap, pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera stabil.

## Menambah Cop Tarikh

Kamera ini boleh menambah tarikh penangkapan pada imej, di penjuror bawah kanan.

Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa cop tarikh tidak boleh diedit atau dibuang, jadi pastikan dahulu bahawa tarikh dan masa adalah betul (📖12).



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Cop Tarikh] pada tab [📷] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖21).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [📷] dipaparkan.

### 2 Tangkap.

- Semasa anda menangkap, kamera menambah tarikh atau masa penangkapan pada imej di penjuror bawah kanan imej.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Cop tarikh tidak boleh diedit atau dibuang.





- Tangkapan tanpa menambah cop tarikh boleh dicetak dengan cop tarikh seperti berikut.

Namun, menambah cop tarikh dengan cara ini pada imej yang sudah mempunyai cop tarikh mungkin akan menyebabkan ia dicetak dua kali.

- Cetak menggunakan fungsi pencetak (📖113)
- Gunakan tetapan cetak DPOF kamera (📖116) untuk mencetak
- Gunakan perisian yang dimuat turun dari laman web Canon (📖109) untuk mencetak

## Penangkapan Berterusan

Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.

Untuk butiran tentang kelajuan penangkapan berterusan, lihat “Kamera” (📖135).



### 1 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [📷], pilih [📷] dalam menu dan kemudian pilih [📷] (📖20).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [📷] dipaparkan.

### 2 Tangkap.

- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.



- Tidak boleh digunakan dengan pemasa sendiri (📖30).
- Penangkapan mungkin berhenti sebentar atau penangkapan berterusan mungkin menjadi perlahan bergantung pada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.
- Apabila lebih banyak imej ditangkap, penangkapan mungkin menjadi perlahan.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan jika denyar menyala.



## Ciri Penyesuaian Imej


Imej Pegun

### Menukar Bilangan Pikel (Saiz Imej)

Pilih bilangan piksel imej dari 5 tahap seperti yang berikut. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap tetapan piksel yang boleh disimpan dalam kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori" (📖137).



- Tekan butang [ⓘ], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [L].



### Panduan untuk Memilih Tetapan Piksel Berdasarkan Saiz Kertas

A2 (16.5 x 23.4 inci)	<b>L</b>
A3 – A5 (11.7 x 16.5 – 5.8 x 8.3 inci)	<b>M1</b>
5 x 7 inci Poskad 3.5 x 5 inci	<b>M2</b>

- [S]: Untuk menghantar imej secara e-mel.
- [W]: Untuk imej dipaparkan pada HDTV skrin lebar atau peranti paparan serupa, pada skrin 16:9.

Filem

### Menukar Kualiti Imej Filem

Dua tetapan kualiti imej tersedia. Untuk panduan tentang jumlah masa rakaman bagi filem pada setiap aras kualiti imej yang boleh dimuatkan pada kad memori, lihat "Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori" (📖137).



- Tekan butang [ⓘ], pilih [E-HD] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [E-HD].

Kualiti Imej	Bilangan Pikel	Kadar Bingkai	Terperinci
<b>E-HD</b>	1280 x 720	25 fps	Untuk rakaman dalam HD.
<b>E-VGA</b>	640 x 480	30 fps	Untuk rakaman dalam definisi standard.



- Dalam mod [E-HD], bar hitam yang dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dirakam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori


Lampiran

Indeks



## Menyesuaikan Operasi Kamera

Sesuaikan fungsi penangkapan pada tab  bagi skrin menu seperti berikut.



Untuk arahan tentang fungsi menu, lihat “Menggunakan Skrin Menu” (21).

Imej Pegun

## Menyahaktifkan Lampu

Anda boleh menyahaktifkan lampu yang biasanya menyala untuk membantu memfokus dalam keadaan cahaya malap apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah atau untuk mengurangkan mata merah apabila anda menangkap dalam keadaan cahaya malap dengan denyar.



- Tekan butang **[MENU]**, pilih **[Setin Lampu]** pada tab  dan kemudian pilih **[Padam]** (21).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih **[On]**.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Mod Penangkapan Lain

Tangkap secara lebih berkesan dalam pelbagai pemandangan dan ambil gambar dengan kesan imej unik atau dengan menggunakan fungsi khas

<b>Pemandangan Tertentu .....</b>	<b>37</b>
<b>Menggunakan Kesan Khas .....</b>	<b>38</b>
Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan).....	38

Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur).....	39
Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan) .....	40
Menangkap dalam Monokrom.....	40

<b>Mod Khas untuk Tujuan Lain .....</b>	<b>41</b>
Penangkapan Auto selepas Pengesanan Orang Baharu (Pemasa Kendiri Wajah).....	41
Menangkap Pendedahan Lama (Pengatup Panjang) .....	42

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



## Pemandangan Tertentu

Pilih mod yang sepadan dengan pemandangan penangkapan dan kamera akan mengkonfigurasi tetapan secara automatik untuk tangkapan optimum.



### 1 Pilih mod penangkapan.

- Tekan butang [▲] beberapa kali sehingga [P] dipaparkan.
- Tekan butang [OK], pilih [P] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).

### 2 Tangkap.



Imej Pegun

Filem

### 📷 Penangkapan Potret (Potret)

- Ambil gambar orang dengan kesan melembut.



Imej Pegun

### 📷 Tangkap di bawah Cahaya Malam (Cahaya Malam)

- Tangkap dengan goncangan kamera dan subjek yang minimum walaupun dalam keadaan cahaya malam.



Imej Pegun

Filem

### 📷 Tangkap Bunga api (Bunga api)

- Tangkapan bunga api yang terang.

- ⚠️ Dalam mod [📷], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera.
  - Tetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖54).
- 
- ✎ Tetapan piksel mod [📷] adalah [M] (2560 x 1920) dan tidak boleh ditukar.
  - Dalam mod [📷], walaupun tiada bingkai dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, fokus optimum masih ditentukan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menggunakan Kesan Khas

Tambah pelbagai kesan ke imej apabila menangkap.

### 1 Pilih mod penangkapan.

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖37) untuk memilih mod penangkapan.

### 2 Tangkap.



Imej Pegun

Filem

#### 📷 Tangkap dalam Warna yang Terang (Sangat Terang)

- Tangkapan dalam warna yang kaya dan terang.



Imej Pegun

Filem

#### 📷 Tangkapan dengan kesan Poster (Kesan Poster)

- Tangkapan seperti poster atau ilustrasi yang lama.

- ⚠️ Dalam mod [📷] dan [📷], cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Imej Pegun

## Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan)

Tangkap dengan kesan herot lensa mata ikan.

### 1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖37) dan pilih [📷].

### 2 Pilih aras kesan.

- Tekan butang [▼], tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih aras kesan dan kemudian tekan butang [📷].
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

### 3 Tangkap.

- ⚠️ Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur)

Mencipta kesan model miniatur dengan mengaburkan kawasan imej di atas dan bawah kawasan yang anda pilih.

Anda boleh juga membuat filem seperti pemandangan dari model miniatur dengan memilih kelajuan main balik sebelum filem dirakam. Orang dan objek dalam pemandangan ini akan bergerak dengan cepat semasa main balik. Ambil perhatian bahawa bunyi tidak dirakam.

### 1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖37) dan pilih [📷].
- Bingkai putih dipaparkan, menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dikaburkan.

### 2 Pilih kawasan untuk dikekalkan dalam fokus.

- Tekan butang [▼].
- Gerakkan tuas zum untuk menukar saiz bingkai dan tekan butang [▲][▼] untuk menggerakkannya.



### 3 Bagi filem, pilih kelajuan main balik filem.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih kelajuan.

### 4 Kembali ke skrin penangkapan dan tangkap.

- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin penangkapan dan kemudian tangkap.



## Kelajuan Main Balik dan Anggaran Masa Main Balik (untuk Klip Satu Minit)

Kelajuan	Masa Main balik
5x	Kira-kira 12 saat
10x	Kira-kira 6 saat
20x	Kira-kira 3 saat



- Zum tidak tersedia apabila merakam filem. Pastikan untuk menetapkan zum sebelum merakam.
- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



- Untuk menukar orientasi bingkai kepada orientasi menegak, tekan butang [◀][▶] dalam langkah 2. Untuk mengembalikan bingkai kepada orientasi mendatar, tekan butang [▲][▼].
- Untuk menggerakkan bingkai apabila ia dalam orientasi mendatar, tekan butang [▲][▼] dan untuk menggerakkan bingkai apabila ia dalam orientasi menegak, tekan butang [◀][▶].
- Memegang kamera dengan menegak akan menukar orientasi bingkai.
- Kualiti imej filem ialah [EVR] semasa tetapan piksel imej pegun [L] dipilih dan [EHD] apabila tetapan piksel imej pegun [W] dipilih (📖34). Tetapan kualiti ini tidak boleh ditukar.



## Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan)

Kesan ini menjadikan imej seperti tangkapan dari kamera mainan dengan mengaburkan tepi (sudut imej kabur, lebih gelap) dan menukar warna keseluruhan.

### 1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam "Pemandangan Tertentu" (📖37) dan pilih [📷].

### 2 Pilih tona warna.

- Tekan butang [▼], tekan butang [◀][▶] untuk memilih tona warna dan kemudian tekan butang [👤].
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

### 3 Tangkap.



Standard	Tangkapan seperti imej dari kamera mainan.
Panas	Imej mempunyai tona lebih panas daripada [Standard].
Sejuk	Imej mempunyai tona lebih sejuk daripada [Standard].

- ⚠️ • Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

## Menangkap dalam Monokrom

Tangkap imej dalam hitam dan putih, sepia atau biru dan putih.

### 1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam "Pemandangan Tertentu" (📖37) dan pilih [📷].

### 2 Pilih tona warna.

- Tekan butang [▼], tekan butang [◀][▶] untuk memilih tona warna dan kemudian tekan butang [👤].
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

### 3 Tangkap.



B/W	Tangkapan hitam dan putih.
Sepia	Tangkapan tona sepia.
Biru	Tangkapan biru dan putih.



## Mod Khas untuk Tujuan Lain

Imej Pegun

### Penangkapan Auto selepas Pengesanan Orang Baharu (Pemasa Kendiri Wajah)

Kamera akan menangkap kira-kira dua saat selepas mengesan bahawa wajah orang lain (seperti jurugambar) telah memasuki kawasan penangkapan (📖48). Ini berguna apabila anda ingin menyertai foto kumpulan atau tangkapan lain yang serupa.

#### 1 Pilih [👤].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖37) dan pilih [👤].

#### 2 Gubah tangkapan dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Pastikan bahawa bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah yang anda fokuskan dan bingkai putih di sekitar wajah lain.

#### 3 Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.

- Kamera kini memasuki mod penangkapan tunggu sedia dan [Pandang tepat pada kamera utk mulakan kiraan] dipaparkan.
- Lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri dimainkan.



#### 4 Sertai subjek di kawasan tangkapan dan lihat ke kamera.

- Selepas kamera mengesan wajah baharu, lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri akan semakin cepat. (Apabila denyar menyala, lampu akan kekal bercahaya.) Selepas kira-kira dua saat, kamera akan menangkap.
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].



- Walaupun wajah anda tidak dikesan selepas anda menyertai orang lain dalam kawasan penangkapan, kamera akan menangkap selepas kira-kira 15 saat.
- Untuk menukar bilangan tangkapan, tekan butang [▼], tekan butang [◀][▶] untuk memilih bilangan tangkapan dan kemudian tekan butang [🔄].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks




## Menangkap Pendedahan Lama (Pengatup Panjang)

Tentukan kelajuan pengatup selama 1 – 15 saat untuk menangkap pendedahan lama. Dalam keadaan ini, pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk mengelakkan goncangan kamera.



### 1 Pilih [\*/].

- Ikuti langkah 1 dalam "Pemandangan Tertentu" (📖37) dan pilih [\*/].



### 2 Pilih kelajuan pengatup.

- Tekan butang [⊕], pilih [1"] dalam menu dan pilih kelajuan pengatup seperti yang diinginkan(📖20).

### 3 Periksa pendedahan.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk melihat pendedahan bagi kelajuan pengatup yang anda pilih.

### 4 Tangkap.



- Kecerahan imej pada skrin dalam langkah 3, apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda.
- Dengan kelajuan pengatup 1.3 saat atau lebih perlahan, tangguhan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera memproses imej untuk mengurangkan hingar.
- Tetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖54).



- Jika denyar menyala, tangkapan anda mungkin menjadi terlalu terdedah. Dalam keadaan ini, tetapkan denyar kepada [🔒] dan tangkap sekali lagi (📖51).



# Mod P

Tangkapan yang lebih bijak dalam gaya penangkapan kesukaan anda


- Arahan dalam bab ini adalah untuk kamera apabila ia ditetapkan ke mod **[P]**.
- **[P]**: AE Program; AE: Pendedahan Auto
- Sebelum menggunakan fungsi yang diperkenalkan dalam bab ini dalam mod selain daripada **[P]**, pastikan fungsi itu tersedia dalam mod tersebut (📖 129 – 133).

<b>Penangkapan dalam AE Program (Mod [P]) ..</b>	<b>44</b>	<b>Melaraskan White Balance .....</b>	<b>46</b>	<b>Denyar .....</b>	<b>51</b>
<b>Kecerahan Imej (Pendedahan) .....</b>	<b>44</b>	<b>Julat Penangkapan dan Fokus .....</b>	<b>47</b>	Menukar Mod Denyar .....	51
Melaraskan Kecerahan Imej (Pampasan Pendedahan) .....	44	Penangkapan Dekat (Makro) .....	47	<b>Tetapan Lain .....</b>	<b>52</b>
Menukar Kaedah Pemeteran .....	45	Menangkap Subjek Jauh (Infiniti) .....	48	Memaparkan Garisan Grid .....	52
Menukar Kelajuan ISO .....	45	Menukarkan Mod Bingkai AF .....	48	Menyahaktif Zum Digital .....	52
Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast) .....	46	Membesarkan Kawasan dalam Fokus .....	50	Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan .....	53
		Menukar Tetapan Fokus .....	51	Menukar Tetapan Mod IS .....	54



## Penangkapan dalam AE Program (Mod [P])

Anda boleh menyesuaikan pelbagai tetapan fungsi mengikut gaya penangkapan kesukaan anda.



### 1 Masuk ke mod [P].

- Ikuti langkah 1 dalam "Pemandangan Tertentu" (📖37) dan pilih [P].

### 2 Sesuaikan tetapan seperti yang diinginkan (📖44 – 54), dan kemudian tangkap.



- Jika pendedahan optimum tidak diperoleh apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kelajuan pengatup dan nilai apertur dipaparkan dalam warna jingga. Dalam keadaan ini, cuba laraskan kelajuan ISO (📖45) atau aktifkan denyar (jika subjek gelap, 📖51), yang mungkin mengaktifkan pendedahan optimum.
- Filem juga boleh dirakam dalam mod [P] dengan menekan butang filem. Walau bagaimanapun, sesetengah tetapan FUNC. (📖20) dan MENU (📖21) mungkin dilaraskan secara automatik untuk rakaman filem.
- Untuk butiran tentang julat penangkapan dalam mod [P], lihat "Julat Penangkapan" (📖137).

## Kecerahan Imej (Pendedahan)

### Melaraskan Kecerahan Imej (Pampasan Pendedahan)

Pendedahan standard ditetapkan oleh kamera boleh dilaraskan dalam kenaikan hentian 1/3, dalam julat -2 hingga +2.



- Tekan butang [☉] dan pilih [±0] dalam menu. Sambil anda melihat skrin, tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan kecerahan (📖20).
- Apabila merakam filem, rakam dengan bar pampasan pendedahan dipaparkan.
- Apabila menangkap imej pegun, tekan butang [☉] untuk memaparkan jumlah pampasan pendedahan yang ditetapkan dan kemudian tangkap.



- Anda juga boleh menangkap imej pegun dengan bar pampasan pendedahan dipaparkan.
- Apabila merakam filem, [AEL] dipaparkan dan pendedahan dikunci.



## Menukar Kaedah Pemeteran

Laraskan kaedah pemeteran (bagaimana kecerahan diukur) supaya serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.




- Tekan butang [☉], pilih [📷] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

Evaluatif	Untuk keadaan penangkapan yang biasa, termasuk tangkapan cahaya belakang. Pendedahan dilaraskan secara automatik supaya sepadan dengan keadaan penangkapan.
Pusat-rata tertimbang	Menentukan purata kecerahan cahaya bagi keseluruhan kawasan imej, diukur dengan mengutamakan kecerahan kawasan pusat.
Spot	Pemeteran terhad dalam [ ] (bingkai titik AE Spot), dipaparkan di pusat skrin.

## Menukar Kelajuan ISO

Tetapkan kelajuan ISO kepada [AUTO] untuk pelarasan automatik supaya sepadan dengan mod penangkapan dan keadaan. Jika tidak, tetapkan kelajuan ISO yang lebih tinggi untuk sensitiviti yang lebih tinggi atau nilai yang lebih rendah untuk sensitiviti yang lebih rendah.



- Tekan butang [☉], pilih [ISO] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.



- Untuk melihat kelajuan ISO yang ditentukan secara automatik apabila anda telah menetapkan kelajuan ISO kepada [AUTO], tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Walaupun memilih kelajuan ISO yang lebih rendah mungkin mengurangkan bintik imej, ia mungkin meningkatkan risiko goncangan subjek dan kamera dalam sesetengah keadaan penangkapan.
- Memilih kelajuan ISO yang lebih tinggi akan meningkatkan kelajuan pengatup yang mungkin mengurangkan goncangan subjek dan kamera serta menaikkan julat denyar. Walau bagaimanapun, tangkapan mungkin kelihatan berbintik.



## Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

Sebelum menangkap, kawasan imej yang terlalu cerah atau gelap (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan kepada kecerahan optimum secara automatik. Kekurangan kontras imej keseluruhan juga boleh dibetulkan secara automatik sebelum penangkapan untuk menjadikan subjek lebih menonjol.



- Tekan butang [MENU] pilih [i-Contrast] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Auto] (📖21).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [C] dipaparkan.




- Dalam sesetengah keadaan penangkapan, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.



- Anda juga boleh membetulkan imej yang sedia ada (📖67).

## Melaraskan White Balance

Dengan melaraskan white balance (WB), anda boleh menjadikan warna imej kelihatan lebih semula jadi bagi pemandangan yang sedang anda tangkap.



- Tekan butang [☰], pilih [AWB] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖20).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

AWB	Auto	Tetapkan white balance optimum secara automatik untuk keadaan penangkapan.
Lampu Siang	Lampu Siang	Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik.
Mendung	Mendung	Bagi menangkap dalam keadaan mendung, di kawasan teduh atau di waktu senja.
Tungsten	Tungsten	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pijar biasa (tungsten) dan pencahayaan pendarfluor berwarna serupa.
Pendarfluor	Pendarfluor	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor putih panas (atau berwarna serupa) atau putih sejuk.
Pendarfluor H	Pendarfluor H	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor putih siang dan pendarfluor berwarna serupa.
Kustomisasi	Kustomisasi	Bagi menetapkan white balance tersuai secara manual (📖47).



## White Balance Tersuai

Untuk warna imej yang kelihatan semula jadi di bawah pencahayaan dalam tangkapan anda, laraskan white balance supaya serasi dengan sumber cahaya di tempat anda sedang menangkap. Tetapkan white balance di bawah sumber cahaya sama yang akan menerangi tangkapan anda.



- Ikuti langkah dalam “Melaraskan White Balance” (📖46) untuk memilih [☀️].
- Halakan kamera pada subjek putih agar keseluruhan skrin menjadi putih. Tekan butang [MENU].
- Seri warna skrin bertukar sebaik sahaja data white balance direkod.




- Warna mungkin kelihatan tidak semula jadi jika anda menukar tetapan kamera selepas merekod data white balance.

## Julat Penangkapan dan Fokus

### Penangkapan Dekat (Makro)

Untuk menghadkan fokus kepada subjek pada julat dekat, tetapkan kamera kepada [🌻]. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖137).



- Tekan butang [🌻], pilih [📏] dalam menu dan kemudian pilih [🌻] (📖20).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [🌻] dipaparkan.



- Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku.
- Dalam kawasan paparan pada bar kuning di bawah bar zum, [🌻] akan bertukar kelabu dan kamera tidak akan memfokus.



- Untuk mengelakkan goncangan kamera, cuba pasang kamera pada tripod dan tangkap dengan kamera ditetapkan kepada [🌻] (📖31).



## Menangkap Subjek Jauh (Infiniti)

Untuk menghadkan fokus kepada subjek yang jauh, tetapkan kamera kepada [▲▲]. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖137).



- Tekan butang [📷], pilih [▲▲] dalam menu dan kemudian pilih [▲▲] (📖20).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [▲▲] dipaparkan.

## Menukarkan Mod Bingkai AF

Tukar mod bingkai AF (fokus auto) supaya serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.



- Tekan butang [MENU], pilih [Frame AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖21).

## AiAF Wajah

- Mengesan wajah orang dan kemudian menetapkan fokus, pendedahan (hanya pemeteran penilaian) dan white balance (hanya [AWB]).
- Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek, satu bingkai putih dipaparkan di sekitar wajah orang yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama dan sehingga dua bingkai kelabu dipaparkan di sekitar wajah lain yang dikesan.
- Apabila kamera mengesan pergerakan, bingkai akan mengikuti subjek yang bergerak dalam julat tertentu.
- Selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, sehingga sembilan bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah dalam fokus.



- Jika wajah tidak dikesan atau apabila hanya bingkai kelabu dipaparkan (tanpa bingkai putih), sehingga sembilan bingkai hijau dipaparkan di kawasan dalam fokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Jika wajah tidak dikesan apabila AF Servo (📖49) ditetapkan kepada [On], bingkai AF dipaparkan di pusat skrin apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Contoh wajah yang tidak boleh dikesan:
  - Subjek yang jauh atau terlalu dekat
  - Subjek yang gelap atau terang
  - Wajah dari profil, di sudut atau sebahagiannya tersembunyi
- Kamera mungkin menyalahafsirkan subjek bukan manusia sebagai wajah.
- Tiada bingkai AF dipaparkan jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



## Pilih Subjek untuk Difokuskan (Jejak AF)

Tangkap selepas memilih subjek untuk difokuskan seperti berikut.

### 1 Pilih [Jejak AF].


- Ikuti langkah dalam “Menentukan Mod Bingkai AF” (📖48) untuk memilih [Jejak AF].
- [☐] dipaparkan di pusat skrin.

### 2 Pilih subjek untuk difokuskan.

- Halakan kamera supaya [☐] berada pada subjek yang diinginkan.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. [☐] menjadi [□] biru yang mengikuti subjek semasa kamera terus melaraskan fokus dan pendedahan (AF Servo) (📖49).

### 3 Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.



- ⚠️ [Servo AF] (📖49) ditetapkan kepada [On] dan tidak boleh ditukar.
- Pengesanan mungkin tidak boleh dilakukan apabila subjek terlalu kecil atau bergerak terlalu cepat atau apabila warna atau kecerahan subjek terlalu padan dengan latar belakang.
- [Titik zoom AF] pada tab [📷] tidak tersedia.
- [🌸] dan [🏔️] tidak tersedia.

## Tengah

Satu bingkai AF dipaparkan di tengah. Berkesan untuk pemfokusan yang andal.

- ⚠️ Bingkai AF kuning dipaparkan dengan [📷] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Untuk menggubah tangkapan supaya subjek berada di pinggir atau penjuru, halakan kamera terlebih dahulu untuk memastikan subjek berada dalam bingkai AF dan kemudian tahan butang pengatup separuh ke bawah. Ketika anda terus menahan butang pengatup separuh ke bawah, gubah semula imej seperti yang diinginkan dan kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah (Fokus Kunci).

## Penangkapan dengan AF Servo

Mod ini membantu mengelakkan terlepas tangkapan subjek bergerak kerana kamera terus memfokus pada subjek dan melaraskan pendedahan selagi anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Servo AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖21).


### 2 Fokus.

- Fokus dan pendedahan dikekalkan di mana bingkai AF biru dipaparkan ketika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.





- Pemfokusan mungkin tidak boleh dilakukan dalam sesetengah keadaan penangkapan.
- Dalam keadaan cahaya malap, AF Servo mungkin tidak boleh diaktifkan (bingkai AF mungkin tidak menjadi biru) apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Dalam keadaan ini, fokus dan pendedahan ditetapkan mengikut mod bingkai AF yang ditentukan.
- Jika pendedahan optimum tidak boleh diperolehi, kelajuan pengatup dan nilai apertur dipaparkan dalam warna jingga. Lepaskan butang pengatup dan kemudian tekannya separuh ke bawah sekali lagi.
- [Titik zoom AF] pada tab (📖21) tidak tersedia.
- Tidak tersedia apabila menggunakan pemasa sendiri (📖30).



- Kawasan yang berada dalam fokus tidak diperbesar dalam keadaan berikut apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah.
  - [AiAF Wajah]: Apabila wajah tidak dikesan atau apabila seseorang berada terlalu hampir dengan kamera dan wajah mereka terlalu besar untuk skrin
  - [Tengah]: Apabila kamera tidak dapat memfokus pada subjek
  - [Jejak AF]: Tidak diperbesar dalam mod ini
  - Apabila zum digital digunakan (📖28)

## Membesarkan Kawasan dalam Fokus

Anda boleh memeriksa fokus dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah, yang akan membesarkan kawasan imej dalam fokus dalam bingkai AF.

### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang **[MENU]**, pilih [Titik zoom AF] pada tab dan kemudian pilih [On] (📖21).

### 2 Periksa fokus.

- Dalam mod AF [AiAF Wajah], wajah yang dikesan sebagai subjek utama diperbesarkan apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah. Dalam mod AF [Tengah], bingkai AF yang berada di bahagian tengah diperbesarkan.



## Menukar Tetapan Fokus

Imej Pegun

Anda boleh menukar operasi kamera lalai yang sentiasa memfokus pada subjek yang dihalakan walaupun apabila butang pengatup tidak ditekan. Sebaliknya, anda boleh menghadkan pemfokusan kamera kepada detik anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Tekan butang [MENU], pilih [AF berterusan] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Padam] (📖21).

On	Membantu anda mengelak terlepas peluang menangkap foto yang datang secara tiba-tiba, kerana kamera sentiasa memfokus pada subjek sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Menjimat kuasa bateri, kerana kamera tidak memfokus secara berterusan.

## Denyar

Imej Pegun

### Menukar Mod Denyar

Anda boleh menukar mod denyar supaya sepadan dengan pemandangan penangkapan. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat "Kamera" (📖135).



- Tekan butang [▶], tekan butang [◀][▶] untuk memilih mod denyar dan kemudian tekan butang [📷].
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

#### [A] Auto

Beryala secara automatik dalam keadaan cahaya malap.

#### [S] Aktif

Beryala bagi setiap tangkapan.

#### [S] Synchro P'lahan

Beryala untuk menerangi subjek utama (seperti orang) ketika menangkap pada kelajuan pengatup perlahan untuk menerangi latar belakang di luar julat denyar.



- Dalam mod [S], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera.
- Dalam mod [S], walaupun selepas denyar menyala, pastikan bahawa subjek utama tidak bergerak sehingga bunyi pengatup selesai dimainkan.
- Tetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖54).

Sebelum  
Pergunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Ⓜ Padam

Bagi menangkap tanpa denyar.



- Jika ikon [Ⓜ] yang berkelip dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan kamera bergoncang dan cahaya malap, pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera stabil.

## Tetapan Lain

### Memaparkan Garisan Grid

Garisan grid boleh dipaparkan pada skrin untuk rujukan mendatar dan menegak semasa menangkap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Garisan Grid] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖21).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, garisan grid akan dipaparkan pada skrin.



- Garisan grid tidak dirakam dalam tangkapan anda.

### Menyahaktif Zum Digital

Jika anda lebih suka untuk tidak menggunakan zum digital (📖28), anda boleh menyahaktifkannya seperti berikut.



- Tekan butang [MENU], pilih [Digital Zoom] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Padam] (📖21).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan

Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan dan jenis maklumat yang dipaparkan selepas penangkapan.

### Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan



#### 1 Akses skrin [Menyemk imej slps menangkap].

- Tekan butang [MENU], pilih [Menyemk imej slps menangkap] pada tab [📷] dan kemudian tekan butang [📷] (📖21).


#### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Masa Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖21).

Cepat	Paparkan imej hanya hingga anda boleh menangkap semula.
2 saat, 4 saat, 8 saat	Memaparkan imej sehingga masa yang ditentukan. Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar yang lain dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah sekali lagi.
Tahan	Memaparkan imej sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Tiada imej dipaparkan selepas tangkapan.

### Menukar Skrin Dipaparkan selepas Tangkapan

Tukar gaya imej yang dipaparkan selepas tangkapan seperti berikut.



#### 1 Tetapkan [Masa Paparan] ke [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] (📖53).

#### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Info Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖21).


Padam	Hanya memaparkan imej.
Terperinci	Memaparkan butiran penangkapan (📖128).



- Apabila [Masa Paparan] (📖53) ditetapkan kepada [Padam] atau [Cepat], [Info Paparan] akan ditetapkan kepada [Padam] dan tidak boleh ditukar.
- Dengan menekan butang [▼] sambil imej dipaparkan selepas penangkapan, anda boleh menukar maklumat paparan. Ambil perhatian bahawa tetapan [Info Paparan] tidak ditukar. Anda juga boleh memadam imej dengan menekan butang [▲] atau melindungi imej (📖60) dengan menekan butang [📷].



## Menukar Tetapan Mod IS



### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Setin IS] pada tab [📷] dan kemudian tekan butang [📷] (📖21).

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Mod IS] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖21).

Berterusan	Penstabilan imej optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS) (📖27).
Tangkap Shj*	Penstabilan imej hanya aktif ketika detik penangkapan.
Padam	Menyahaktifkan penstabilan imej.

\* Tetapan ditukar kepada [Berterusan] untuk rakaman filem.

- ⚠️ • Jika penstabilan imej tidak boleh mengelakkan goncangan kamera, pasangkan kamera pada tripod atau gunakan cara lain untuk memastikan kestabilan kamera. Dalam keadaan ini, tetapkan [Mod IS] kepada [Padam].

## Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Merakam

Biasanya, sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembedahan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh memilih untuk tidak mengurangkan goncangan kamera yang kuat.



- Ikuti langkah dalam “Menukar Tetapan Mod IS” (📖54) untuk mengakses skrin [Setin IS].
- Pilih [IS Dinamik] dan kemudian pilih [2] (📖21).

- ⚠️ • Apabila kualiti filem adalah [EiVGA] (📖34), IS Dinamik adalah [1] dan tidak boleh ditukar.


- ✎ • Anda juga boleh menetapkan [Mod IS] kepada [Padam] supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam.



# Mod Main Balik

Nikmati hasil tangkapan anda dan semak lalu atau edit imej dengan pelbagai cara

- Bagi menyediakan kamera untuk operasi ini, tekan butang  untuk masuk ke mod Main balik.

 • Imej yang telah dinamakan semula atau telah diedit dalam komputer atau imej dari kamera lain mungkin tidak boleh dimainkan balik atau diedit.

<b>Melihat</b> .....	<b>56</b>	<b>Melindungi Imej</b> .....	<b>60</b>	<b>Mengetag Imej sebagai Kesukaan</b> .....	<b>66</b>
Menukar Mod Paparan.....	57	Menggunakan Menu .....	61	Menggunakan Menu .....	66
<b>Semak lalu dan Menuras Imej</b> .....	<b>57</b>	Memilih Imej secara Berasingan .....	61	<b>Mengedit Imej Pegun</b> .....	<b>67</b>
Mengemudi melalui Imej dalam Indeks.....	57	Memilih Julat .....	61	Menukar Saiz Imej .....	67
Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang		Melindungi Semua Imej Sekali gus.....	62	Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast) .....	67
Ditentukan .....	58	<b>Memadamkan Imej</b> .....	<b>63</b>	Membetulkan Mata Merah .....	68
<b>Pilihan Melihat Imej</b> .....	<b>59</b>	Memadamkan Berbilang Imej Sekali gus.....	63		
Membesarkan Imej.....	59	<b>Memutar Imej</b> .....	<b>65</b>		
Melihat Tayangan Slaid.....	59	Menggunakan Menu .....	65		
		Menyahaktifkan Putaran Auto .....	65		



## Melihat

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.




### 2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀]. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶].
- Tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk menyemak lalu imej dengan cepat.



- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.



Penunjuk Volum

### 3 Main filem.

- Untuk mula main balik, tekan butang [⏮], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏭] sekali lagi.

### 4 Laraskan volum.

- Tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan volum.
- Untuk melaraskan volum apabila penunjuk volum tidak lagi dipaparkan, tekan butang [▲][▼].

### 5 Jeda main balik.

- Untuk menjeda atau menyambung semula main balik, tekan butang [⏸].
- Selepas filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.



- Untuk menukar kepada mod Penangkapan daripada mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Untuk membolehkan tangkapan terkini dipaparkan apabila anda memasuki mod Main balik, pilih MENU (📖21) ▶ tab [▶] ▶ [Sambungan] ▶ [Imej t'akhir].
- Untuk menukar peralihan yang ditunjukkan antara imej, akses MENU (📖21) dan pilih kesan yang diinginkan dalam tab [▶] ▶ [Transisi].



## Menukar Mod Paparan

Imej Pegun

Filem

Tekan butang [▼] untuk melihat maklumat lain pada skrin atau menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat “Main Balik (Paparan Maklumat Terperinci)” (📖128).




Tiada Maklumat  
Dipaparkan



Paparan  
Maklumat  
Ringkas



Paparan  
Maklumat  
Terperinci



Imej Pegun

Filem


## Amaran Pendedahan Berlebih (untuk Sorotan Imej)

Bahagian terang pudar pada imej berkelip pada skrin dalam paparan maklumat terperinci (📖57).

Imej Pegun

Filem

## Histogram



- Graf dalam paparan maklumat terperinci (📖57) adalah histogram yang menunjukkan pengagihan kecerahan pada imej. Paksi mendatar mewakili darjah kecerahan dan paksi menegak mewakili jumlah imej yang ada dalam setiap tahap kecerahan. Melihat histogram adalah cara untuk memeriksa pendedahan.


## Semak lalu dan Menuras Imej

Imej Pegun

Filem

## Mengemudi melalui Imej dalam Indeks

Dengan memaparkan berbilang imej dalam indeks, anda boleh menemui imej yang anda cari dengan cepat.



### 1 Paparkan imej dalam indeks.

- Gerakkan tuas zum ke arah [📐] untuk memaparkan imej dalam indeks. Menggerakkan tuas sekali lagi akan meningkatkan jumlah imej yang ditunjukkan.
- Untuk mengurangkan bilangan imej yang dipaparkan, gerakkan tuas zum ke arah [Q]. Bilangan imej yang ditunjukkan akan semakin kurang setiap kali anda menggerakkan tuas.

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej.
- Bingkai jingga dipaparkan di sekeliling imej yang dipilih.
- Tekan butang [🔍] untuk melihat imej yang dipilih dalam paparan imej tunggal.



Sebelum  
Pergunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang Ditetapkan

Cari imej yang diinginkan dengan cepat dalam kad memori yang dipenuhi imej dengan menuras paparan imej mengikut syarat yang telah anda tentukan. Anda juga boleh melindungi (📖60) atau memadamkan (📖63) semua imej ini sekali gus.

🕒 Hb diambil	Memaparkan imej yang ditangkap pada tarikh tertentu.
★ Kesukaan	Memaparkan imej yang ditandai sebagai kesukaan (📖66).
📁 Imej pegun/Video	Memaparkan hanya imej pegun atau filem.



### 1 Pilih syarat pertama untuk paparan imej atau pengemudian.


- Tekan butang [🕒], pilih [📁] dalam menu dan pilih syarat (📖20).

### 2 Pilih syarat kedua untuk paparan imej atau pengemudian.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih syarat dan kemudian tekan butang [🕒].

### 3 Lihat imej yang dituras.

- Imej yang sepadan dengan syarat anda dipaparkan dalam bingkai kuning. Untuk melihat hanya imej tersebut, tekan butang [◀][▶].
- Untuk membatalkan paparan turas, pilih [🗑️] dalam langkah 1.




- Apabila kamera tidak menemui imej yang sesuai dengan sesetengah syarat, syarat tersebut tidak akan tersedia.



- Untuk memaparkan atau menyembunyikan maklumat, tekan butang [▼] dalam langkah 3.
- Pilihan untuk melihat imej yang ditemui (dalam langkah 3) termasuk "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖57), "Membesarkan Imej" (📖59) dan "Melihat Tayangan Slaid" (📖59). Anda boleh melindungi, memadam atau mencetak semua imej yang ditemui atau menambah imej ke buku foto dengan memilih [Pilih semua imej dlm carian] dalam "Melindungi Imej" (📖60), "Memadamkan Berbilang Imej Sekali gus" (📖63), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖116), atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖118).
- Jika anda mengedit dan menyimpan imej tersebut sebagai imej baharu (📖67 – 68), satu mesej dipaparkan dan imej yang ditemui tidak lagi dipaparkan.



## Membesarkan Imej



Anggaran Posisi Kawasan Paparan

### 1 Membesarkan imej.

- Menggerakkan tuas zum ke arah [Q] akan mengesum masuk dan membesarkan imej. Anda boleh memperbesarkan imej sehingga kira-kira 10x dengan terus menahan tuas zum.
- Untuk zum keluar, gerakkan tuas zum ke arah [Z]. Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dengan terus menahan tuas zum.

### 2 Gerakkan posisi paparan dan tukar imej mengikut keperluan.


- Untuk menggerakkan posisi paparan, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Ketika [SET] dipaparkan, anda boleh menukar kepada [SET] dengan menekan butang [OFF]. Untuk bertukar kepada imej lain ketika zum, tekan butang [◀][▶]. Tekan butang [OFF] sekali lagi untuk mengembalikan tetapan asal.



- Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dari paparan yang diperbesar dengan menekan butang [MENU].

## Melihat Tayangan Slaid

Main balik imej secara automatik dari kad memori seperti berikut. Setiap imej dipaparkan selama kira-kira tiga saat.



- Tekan butang [OFF], pilih [LOFF] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (20).
- Tayangan slaid akan bermula selepas [Pemuatan imej] dipaparkan untuk beberapa saat.
- Tekan butang [MENU] untuk menghentikan tayangan slaid.



- Fungsi jimat kuasa kamera (18) dinyahaktifkan semasa tayangan slaid.



- Untuk menjerda atau menyambung semula tayangan slaid, tekan butang [OFF].
- Anda boleh menukar kepada imej lain semasa main balik dengan menekan butang [◀][▶]. Untuk maju cepat atau mundur cepat, tahan butang [◀][▶] ke bawah.
- Dalam paparan turas (58), hanya imej sepadan dengan syarat carian dipaparkan.



## Mengubah Tetapan Tayangan Slaid

Anda boleh menetapkan tayangan slaid supaya diulang semula dan anda boleh menukar peralihan antara imej dan tempoh paparan setiap imej.

### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Transisi Slaid] pada tab [▶].


### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk memulakan tayangan slaid dengan tetapan anda, pilih [Mula] dan tekan butang [▶].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



## Melindungi Imej

Lindungi imej yang penting untuk menghalang pemadaman yang tidak sengaja (📖63).



- Tekan butang [🔑] dan kemudian pilih [🔑] dalam menu (📖20). [Dilindungi] dipaparkan.
- Untuk membatalkan perlindungan, ulangi proses ini dan pilih [🔑] sekali lagi dan kemudian tekan butang [🔑].

- ⚠️ Imej yang dilindungi pada kad memori akan dipadamkan jika anda memformat kad (📖101).
- ✎ Imej yang dilindungi tidak boleh dipadam menggunakan fungsi pemadaman kamera. Untuk memadam imej tersebut dengan cara ini, batalkan perlindungan terlebih dahulu.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menggunakan Menu




### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Lindung] pada tab [▶] (📖21).

### 2 Pilih kaedah pemilihan.

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖21).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].




## Memilih Imej secara Berasingan

### 1 Pilih [Pilih].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (📖61), pilih [Pilih] dan tekan butang [OK].

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK]. [OK] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [OK] sekali lagi. [OK] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.



## 3 Lindungi imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK].

- ⚠ Imej tidak akan dilindungi jika anda menukar kepada mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.

## Memilih Julat

### 1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (📖61), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [OK].

### 2 Pilih imej permulaan.

- Tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK].





### 3 Pilih imej akhir.

- Tekan butang [▶] untuk memilih [Imej Terakhir] dan kemudian tekan butang [🔒].



- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [🔒].
- Imej sebelum imej pertama tidak boleh dipilih sebagai imej terakhir.



### 4 Lindungi imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Lindung] dan kemudian tekan butang [🔒].



- Untuk membatalkan perlindungan kumpulan imej, pilih [Membuka kunci] dalam langkah 4.




## Melindungi Semua Imej Sekali gus

### 1 Pilih [Lindungi Semua Imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (📖61), pilih [Lindungi Semua Imej] dan tekan butang [🔒].

### 2 Lindungi imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🔒].



- Untuk membatalkan perlindungan kumpulan imej, pilih [Nyahlindungi Semua Imej] dalam langkah 1.



## Memadamkan Imej

Anda boleh memilih dan memadamkan imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (🔒60) tidak boleh dipadamkan.

### 1 Pilih imej untuk dipadamkan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

### 2 Padam imej.

- Tekan butang [▲].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [🗑️].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pepadaman, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang [🗑️].



## Memadamkan Berbilang Imej Sekali gus

Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadamkan sekali gus. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (🔒60) tidak boleh dipadamkan.

### Memilih Kaedah Pemilihan



### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Padam] pada tab [▶] (🔒21).

### 2 Pilih kaedah pemilihan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih kaedah pilihan dan kemudian tekan butang [🗑️].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



## Memilih Imej secara Berasingan

### 1 Pilih [Pilih].


- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖63), pilih [Pilih] dan tekan butang [OK].

### 2 Pilih imej.

- Sebaik sahaja anda memilih imej mengikut langkah 2 dalam “Memilih Imej secara Berasingan” (📖61), [✓] akan dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [OK] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

### 3 Padam imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [←][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].



## Memilih Julat

### 1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖63), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [OK].

### 2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memilih Julat” (📖61) untuk menentukan imej.

### 3 Padam imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [OK].




## Menentukan Semua Imej Sekali gus

### 1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖63), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [OK].

### 2 Padam imej.

- Tekan butang [←][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].



## Memutar Imej

Ubah orientasi imej dan simpannya seperti berikut.



### 1 Pilih [📷].

- Tekan butang [📷] dan kemudian pilih [📷] dalam menu (📖20).



### 2 Putar imej.

- Tekan butang [⏪] atau [⏩], bergantung pada arah yang diinginkan. Setiap kali anda menekan butang, imej diputar sebanyak 90°. Tekan butang [📷] untuk melengkapkan tetapan.

## Menggunakan Menu



### 1 Pilih [Putar].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Putar] pada tab [📷] (📖21).



### 2 Putar imej.

- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih imej.
- Imej diputar sebanyak 90° setiap kali anda menekan butang [📷].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- Putaran tidak berfungsi apabila [Putaran Auto] ditetapkan kepada [Padam] (📖65).

## Menyahaktifkan Putaran Auto

Ikuti langkah ini untuk menyahaktifkan putaran imej automatik, yang memutar imej mengikut orientasi semasa kamera.



- Tekan butang [MENU], pilih [Putaran Auto] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Padam] (📖21).



- Imej tidak boleh diputar (📖65) apabila anda menetapkan [Putaran Auto] kepada [Padam]. Selain itu, imej yang telah diputar akan dipaparkan dalam orientasi asal.




## Mengetag Imej sebagai Kesukaan

Anda boleh menyusun imej dengan mengetag imej tersebut sebagai kesukaan. Dengan memilih kategori dalam paparan penurasan, anda boleh menghadkan operasi berikut kepada semua imej tersebut.

- “Melihat” (📖56), “Melihat Tayangan Slaid” (📖59), “Melindungi Imej” (📖60), “Memadamkan Imej” (📖63), “Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)” (📖116), “Menambah Imej ke Buku Foto” (📖118)



- Tekan butang [📌] dan kemudian pilih [★] dalam menu (📖20).
- [Tnda sbg. kesukaan] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag, ulangi proses ini dan pilih [★] sekali lagi dan kemudian tekan butang [📌].



- Imej tidak akan ditandai sebagai kesukaan jika anda menukar kepada mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.

## 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📌]. [★] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag imej tersebut, tekan butang [📌] sekali. [★] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.

## 3 Tamatkan proses persediaan.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📌].

## Menggunakan Menu



### 1 Pilih [Kesukaan].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Kesukaan] pada tab [▶] (📖21).



## Mengedit Imej Pegun

- ! Pengeditan imej (📖67 – 68) hanya tersedia apabila kad memori mempunyai ruang kosong yang mencukupi.

## Menukar Saiz Imej

Simpan salinan imej pada bilangan piksel yang rendah.



### 1 Pilih [Tukar Saiz].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tukar Saiz] pada tab [📷] (📖21).

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📷].

### 3 Pilih saiz imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih saiz dan kemudian tekan butang [📷].
- [Simpan imej baru?] dipaparkan.

### 4 Simpan imej baru.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.

Imej Pegun



- ! Pengeditan tidak boleh dilakukan untuk imej yang ditangkap pada tetapan piksel [S] atau [W] (📖34).

- ✎ Imej tidak boleh ditukar saiznya ke bilangan piksel yang lebih tinggi.

Imej Pegun

## Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

Kawasan imej gelap yang berlebihan (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan secara automatik kepada kecerahan optimum. Kontras imej keseluruhan yang tidak mencukupi juga dibetulkan secara automatik untuk membuatkan subjek lebih menonjol. Pilih daripada empat tahap pembedaan dan kemudian simpan imej sebagai fail berasingan.



## 5 Semak imej baru.

- Tekan butang [MENU]. [Papar imej baru?] dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [📷].
- Imej yang disimpan kini dipaparkan.

### 1 Pilih [i-Contrast].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [i-Contrast] pada tab [📷] (📖21).

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





### 3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [⊕].

### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖67).



- Bagi sesetengah imej, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.
- Imej mungkin kelihatan berbintik setelah diedit berulang kali menggunakan fungsi ini.



- Jika [Auto] tidak menghasilkan hasil yang diinginkan, cuba betulkan imej menggunakan [Rendah], [Sederhana] atau [Tinggi].

Imej Pegun

## Membetulkan Mata Merah

Membetulkan imej yang dipengaruhi oleh mata merah secara automatik. Anda boleh menyimpan imej yang telah dibetulkan sebagai fail berasingan.



### 1 Pilih [Koreksi Red-Eye].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Koreksi Red-Eye] pada tab [▶] (📖21).

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.



### 3 Betulkan imej.

- Tekan butang [⊕].
- Mata merah yang dikesan oleh kamera kini telah dibetulkan dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dibetulkan.
- Besarkan atau kecilkan imej mengikut keperluan. Ikuti langkah dalam “Membesarkan Imej” (📖59).

### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.
- Ikuti langkah 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖67).



- Sesetengah imej mungkin tidak dibetulkan dengan tepat.
- Untuk menulis ganti imej asal dengan imej yang dibetulkan, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, imej asal akan dipadamkan.
- Imej dilindungi tidak boleh ditulis ganti.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Fungsi Wi-Fi

Menghantar imej secara wayarles dari kamera ke pelbagai peranti yang serasi dan menggunakan kamera dengan perkhidmatan Web

! • Sebelum menggunakan Wi-Fi, pastikan anda sudah membaca “Peringatan Wi-Fi (LAN Wayarles)” (141).

<b>Ciri Wi-Fi Tersedia</b> .....	<b>70</b>
<b>Menghantar Imej ke Telefon Pintar</b> .....	<b>70</b>
Menghantar Imej ke Telefon Pintar Serasi NFC.....	71
Menambah Telefon Pintar .....	73
Menggunakan Pusat Akses Lain.....	75
Pusat Akses Sebelumnya .....	76
<b>Menyimpan Imej ke Komputer</b> .....	<b>76</b>
Bersedia untuk Mendaftarkan Komputer.....	76
Menyimpan Imej ke Komputer yang Disambung ..	78
<b>Menghantar Imej ke Perkhidmatan Web</b>	
<b>Berdaftar</b> .....	<b>82</b>
Mendaftarkan Perkhidmatan Web.....	82
Memuat Naik Imej ke Perkhidmatan Web.....	85

<b>Mencetak Imej secara Wayarles dari</b>	
<b>Pencetak yang Bersambung</b> .....	<b>86</b>
<b>Menghantar Imej ke Kamera Lain</b> .....	<b>87</b>
<b>Pilihan Menghantar Imej</b> .....	<b>89</b>
Menghantar Berbilang Imej.....	89
Nota tentang Menghantar Imej.....	90
Memilih Bilangan Piksel (Saiz Imej).....	90
Menambah Komen.....	90
<b>Menghantar Imej secara Automatik</b>	
<b>(Penyegerakan Imej)</b> .....	<b>91</b>
Persediaan Awal .....	91
Menghantar Imej .....	92

<b>Menggunakan Telefon Pintar untuk Melihat</b>	
<b>Imej Kamera dan Mengawal Kamera</b> .....	<b>93</b>
Menambah Geotag pada Imej dalam Kamera .....	93
Menangkap secara Kawalan Jauh .....	93
<b>Mengedit atau Memadamkan Tetapan Wi-Fi</b> ..	<b>94</b>
Mengedit Maklumat Sambungan .....	94
Menukar Nama Samaran Kamera .....	95
Mengembalikan Tetapan Wi-Fi ke Lalai .....	96

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Ciri Wi-Fi Tersedia

Anda boleh menghantar dan menerima imej dan mengawal kamera secara kawalan jauh dengan menyambungkannya ke peranti dan perkhidmatan melalui Wi-Fi.

- **Telefon Pintar dan Tablet**  
Hantar imej ke telefon pintar dan komputer tablet yang mempunyai fungsi Wi-Fi. Anda juga boleh menangkap secara kawalan jauh dan menambah geotag pada tangkapan anda melalui telefon pintar atau tablet. Untuk kemudahan dalam manual ini, telefon pintar, tablet dan peranti serasi yang lain akan dirujuk sebagai “telefon pintar”.
- **Komputer**  
Gunakan perisian untuk menyimpan imej kamera ke komputer yang bersambung melalui Wi-Fi.
- **Perkhidmatan Web**  
Tambah maklumat akaun anda ke kamera untuk perkhidmatan fotografi dalam talian CANON iMAGE GATEWAY atau perkhidmatan Web yang lain untuk menghantar imej kamera ke perkhidmatan tersebut. Imej pada kamera yang tidak dihantar juga boleh dihantar ke komputer atau perkhidmatan Web melalui CANON iMAGE GATEWAY.
- **Pencetak**  
Hantar imej secara wayarles ke pencetak serasi PictBridge (menyokong DPS over IP) untuk mencetak imej tersebut.
- **Kamera Lain**  
Menghantar imej secara wayarles antara kamera Canon serasi Wi-Fi.

## Menghantar Imej ke Telefon Pintar

Terdapat beberapa cara untuk menyambungkan kamera ke telefon pintar dan menghantar imej.

- **Sambungkan melalui NFC (71)**  
Hanya sentuh telefon pintar Android serasi NFC (versi OS 4.0 atau lebih baru) dengan kamera untuk menyambungkan peranti.
- **Sambungkan melalui menu Wi-Fi (73)**  
Anda boleh menyambungkan kamera ke telefon pintar seperti anda menyambungkannya ke komputer atau peranti lain. Berbilang telefon pintar boleh ditambah.

Sebelum menyambung ke kamera, anda mesti memasang aplikasi Camera Connect khusus yang percuma pada telefon pintar. Untuk butiran tentang aplikasi ini (telefon pintar yang disokong dan fungsi yang tersedia), rujuk kepada laman web Canon.



- Pengguna kamera Canon serasi Wi-Fi yang menyambungkan kamera dengan telefon pintar melalui Wi-Fi patut mempertimbangkan penukaran daripada aplikasi mudah alih CameraWindow kepada aplikasi mudah alih Camera Connect.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




## Menghantar Imej ke Telefon Pintar Serasi NFC

Gunakan NFC telefon pintar Android (versi OS 4.0 atau lebih baru) untuk memudahkan proses memasang Camera Connect dan menyambung ke kamera. Operasi apabila peranti mulanya bersambung melalui NFC berbeza bergantung pada mod kamera apabila peranti bersentuhan bersama.

- Jika kamera mati atau dalam mod Penangkapan apabila peranti bersentuhan bersama, anda boleh memilih dan menghantar imej pada skrin pemilihan imej. Setelah peranti bersambung, anda juga boleh menangkap secara kawalan jauh dan menambah geotag pada tangkapan anda (📖 93). Menyambung semula peranti terkini yang tersenarai dalam menu Wi-Fi adalah mudah.
- Jika kamera dalam mod Main balik apabila peranti bersentuhan bersama, anda boleh memilih dan menghantar imej dari paparan indeks yang ditunjukkan untuk pemilihan imej.



Ikuti arahan dalam bahagian yang berikut untuk sambungan dimulakan NFC ke kamera yang mati atau dalam mod Penangkapan.

### Menyambung melalui NFC Apabila Kamera Dimatikan atau dalam Mod Penangkapan



#### 1 Pasang Camera Connect.

- Aktifkan NFC pada telefon pintar dan sentuh Tanda N (N) pada peranti bersama-sama untuk memulakan Google Play pada telefon pintar secara automatik. Sebaik sahaja halaman muat turun Camera Connect dipaparkan, muat turun dan pasang aplikasi ini.



#### 2 Wujudkan sambungan.

- Pastikan bahawa kamera sudah dimatikan atau dalam mod Penangkapan.
- Sentuh Tanda N (N) pada telefon pintar dengan Camera Connect dipasang dengan Tanda N kamera.
- Kamera dihidupkan secara automatik.
- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, tekan butang [▲][▼] untuk pilih [OK] dan kemudian tekan butang [📶].

- Camera Connect sudah dimulakan pada telefon pintar.
- Peranti disambungkan secara automatik.

#### 3 Laraskan tetapan privasi.

- Selepas skrin ini dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [📶].
- Anda kini boleh menggunakan telefon pintar untuk menyemak lalu, mengimport atau menambah geotag pada imej dalam kamera atau menangkap secara kawalan jauh.

Sebelum  
Pergunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





#### 4 Hantar imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Pilih] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang akan dihantar, tekan butang [📷] untuk menandanya sebagai imej dipilih ([✓]) dan kemudian tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [📷].
- [Pindahan berjaya] akan dipaparkan selepas imej dihantar dan skrin pindah imej akan dipaparkan sekali lagi.
- Untuk memutuskan sambungan, tekan butang [MENU], tekan butang [◀][▶] pada skrin pengesahan untuk memilih [Ok], dan kemudian tekan butang [📷]. Anda juga boleh menggunakan telefon pintar untuk menamatkan sambungan.



- Apabila menggunakan NFC, sila ingat perkara berikut.
  - Elakkan hentakan yang kuat berlaku antara kamera dan telefon pintar. Ini mungkin merosakkan peranti.
  - Bergantung pada telefon pintar, peranti mungkin tidak boleh mengenali satu sama lain dengan segera. Dalam keadaan ini, cuba pegang peranti tersebut bersama-sama dalam kedudukan yang berbeza sedikit. Jika sambungan tidak diwujudkan, kekalkan peranti bersama sehingga skrin kamera dikemaskini.
  - Jika anda cuba menyambung apabila kamera dimatikan, mesej mungkin dipaparkan pada telefon pintar untuk mengingatkan anda supaya menghidupkan kamera. Jika demikian, hidupkan kamera dan sentuh peranti bersama sekali lagi.
  - Jangan letakkan benda lain di antara kamera dan telefon pintar. Di samping itu, ambil perhatian bahawa penutup telefon pintar atau kamera atau aksesori serupa mungkin menghalang komunikasi.
- Semua imej dalam kamera boleh dilihat daripada telefon pintar yang disambungkan jika anda memilih [Ya] dalam langkah 3. Untuk menjaga privasi imej kamera supaya tidak dapat dilihat daripada telefon pintar, pilih [Tidak] dalam langkah 3.
- Selepas anda mendaftarkan telefon pintar, anda boleh menukar tetapan privasi tersebut pada kamera (📖94).



- Sambungan memerlukan kad memori berada di dalam kamera.
- Anda juga boleh menukar nama samaran kamera pada skrin dalam langkah 2 (📖71).
- Bukan semua telefon pintar serasi NFC mempunyai Tanda N (N). Untuk butiran, rujuk kepada manual pengguna telefon pintar.
- Anda juga boleh menghantar beberapa imej pada masa yang sama dan menukar saiz imej sebelum menghantar (📖89).
- Anda boleh menghantar imej semasa dengan memilih [Hantar imej ini] pada skrin dalam langkah 4.
- Untuk melumpuhkan sambungan NFC, pilih MENU (📖21) ► tab [🔧] ► [Tetapan Wayarles] ► [Seting Wi-Fi] ► [NFC] ► [Padam].



## Menyambung melalui NFC Apabila Kamera dalam Mod Main Balik




- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Sentuh telefon pintar dipasang Camera Connect (71) dengan Tanda N (N) pada kamera.
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang akan dihantar dan kemudian tekan butang [⊕]. [✓] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [⊕] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.
- Selepas anda selesai memilih imej, tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej tersebut dihantar sekarang.



- Jika semasa penyambungan mesej pada kamera meminta anda memasukkan nama samaran, ikuti langkah 2 dalam "Menghantar Imej ke Telefon Pintar Serasi NFC" (71) untuk memasukkannya.
- Kamera tidak menyimpan rekod tentang telefon pintar yang anda sambungkan melalui NFC dalam mod Main balik.
- Anda boleh menetapkan imej untuk pemindahan pada saiz yang diinginkan terlebih dahulu (89).

## Menambah Telefon Pintar

Langkah-langkah ini menunjukkan cara untuk menggunakan kamera sebagai pusat akses, tetapi anda juga boleh menggunakan pusat akses sedia ada (75).



### 1 Pasang Camera Connect.

- Untuk iPhone atau iPad, cari Camera Connect dalam App Store dan muat turun serta pasangkan aplikasi ini.
- Untuk telefon pintar Android, cari Camera Connect dalam Google Play dan muat turun serta pasangkan aplikasi ini.

### 2 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [(Wi-Fi)].
- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, pilih [Ok] (75).

### 3 Pilih [□].

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [□] dan kemudian tekan butang [⊕].

### 4 Pilih [Tambah Peranti].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tambah Peranti] dan kemudian tekan butang [⊕].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi



Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- SSID kamera dan kata laluan dipaparkan.

## 5 Sambungkan telefon pintar ke rangkaian.

- Dalam menu tetapan Wi-Fi telefon pintar, pilih SSID (nama rangkaian) yang dipaparkan pada kamera untuk mewujudkan sambungan.
- Dalam medan kata laluan, masukkan kata laluan yang dipaparkan pada kamera.

## 6 Mulakan Camera Connect.

- Mulakan Camera Connect pada telefon pintar.

## 7 Pilih kamera untuk bersambung.

- Pada skrin pemilihan kamera yang dipaparkan pada telefon pintar, pilih kamera untuk memulakan berpasangan.

## 8 Laraskan tetapan privasi.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Anda kini boleh menggunakan telefon pintar untuk menyemak lalu, mengimport atau menambah geotag pada imej dalam kamera atau menangkap secara kawalan jauh.



## 9 Hantar imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Pilih] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang akan dihantar, tekan butang [🔒] untuk menandanya sebagai imej dipilih ([✓]) dan kemudian tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [🔒].
- [Pindahan berjaya] akan dipaparkan selepas imej dihantar dan skrin pindah imej akan dipaparkan sekali lagi.
- Untuk memutuskan sambungan, tekan butang [MENU], tekan butang [◀][▶] pada skrin pengesahan untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🔒]. Anda juga boleh menggunakan telefon pintar untuk menamatkan sambungan.
- Untuk menambah beberapa telefon pintar, ulangi prosedur bermula dari langkah 1.

- ⚠️ Semua imej dalam kamera boleh dilihat daripada telefon pintar yang disambungkan apabila anda memilih [Ya] dalam langkah 8. Untuk menjaga privasi imej kamera supaya tidak dapat dilihat daripada telefon pintar, pilih [Tidak] dalam langkah 8.
- Selepas anda mendaftarkan telefon pintar, anda boleh menukar tetapan privasi tersebut pada kamera (📖94).






- Sambungan memerlukan kad memori berada di dalam kamera.
- Sebaik sahaja anda telah menyambung ke peranti melalui menu Wi-Fi, destinasi terkini akan disenaraikan terlebih dahulu apabila anda mengakses menu Wi-Fi. Anda boleh dengan mudah menyambung sekali lagi dengan menekan butang [▲][▼] untuk memilih peranti dan kemudian menekan butang [Ⓜ]. Untuk menambahkan peranti baharu, paparkan skrin pemilihan peranti dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian konfigurasi tetap.
- Jika anda tidak ingin memaparkan peranti sasaran terkini, pilih MENU (21) ▶ tab [📶] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Seting Wi-Fi] ▶ [Sejarah Sasaran] ▶ [Padam].
- Untuk menyambung tanpa memasukkan kata laluan dalam langkah 5, pilih MENU (21) ▶ tab [📶] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Seting Wi-Fi] ▶ [Kata Laluan] ▶ [Padam]. [Kata Laluan] tidak dipaparkan pada skrin SSID lagi (dalam langkah 4).
- Anda juga boleh menghantar beberapa imej pada masa yang sama dan menukar saiz imej sebelum menghantar (89).
- Anda boleh menghantar imej semasa dengan memilih [Hantar imej ini] pada skrin dalam langkah 9.

## Menggunakan Pusat Akses Lain

Apabila menyambungkan kamera ke telefon pintar melalui menu Wi-Fi, anda juga boleh menggunakan pusat akses sedia ada.



### 1 Bersedia untuk penyambungan.


- Akses skrin [Menunggu untuk disambungkan] dengan mengikuti langkah 1 – 4 dalam “Menambah Telefon Pintar” (73).

### 2 Sambungkan telefon pintar ke pusat akses.

### 3 Pilih [Tukar Rangkaian].

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Tukar Rangkaian] dan kemudian tekan butang [Ⓜ].
- Senarai pusat akses yang dikesan akan dipaparkan.





#### 4 Sambung ke pusat akses.

- Untuk pusat akses serasi WPS, sambung ke pusat akses seperti yang diterangkan dalam langkah 5 – 8 “Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS” (📖78).
- Untuk pusat akses bukan WPS, ikuti langkah 2 – 4 dalam “Menyambung ke Pusat Akses yang Disenaraikan” (📖80) untuk menyambung ke pusat akses.

#### 5 Pilih kamera untuk bersambung.

- Pada skrin pemilihan kamera yang dipaparkan pada telefon pintar, pilih kamera untuk memulakan berpasangan.

#### 6 Konfigurasikan tetapan privasi dan hantar imej.

- Ikuti langkah 8 – 9 dalam “Menambah Telefon Pintar” (📖73) untuk mengkonfigurasi tetapan privasi dan menghantar imej.

### Pusat Akses Sebelumnya

Anda boleh menyambungkan semula ke pusat akses sebelumnya secara automatik dengan mengikuti langkah 4 dalam “Menambah Telefon Pintar” (📖73).

- Untuk menggunakan kamera sebagai pusat akses, pilih [Tukar Rangkaian] pada skrin yang dipaparkan apabila anda mewujudkan sambungan dan kemudian pilih [Mod Pusat Akses Kamera].
- Untuk menukar pusat akses, pilih [Tukar Rangkaian] pada skrin yang dipaparkan apabila anda mewujudkan sambungan dan kemudian ikuti prosedur dalam “Menggunakan Pusat Akses Lain” (📖75) daripada langkah 4.

## Menyimpan Imej ke Komputer

### Bersedia untuk Mendaftarkan Komputer

Untuk butiran tentang komputer yang boleh disambungkan dengan kamera melalui Wi-Fi, keperluan sistem dan maklumat keserasian yang lain (termasuk sokongan dalam sistem pengendalian yang baharu), lawati laman web Canon.

- ⚠️ Windows 7 edisi Home Basic dan Starter tidak disokong.
- ⚠️ Windows 7 N (versi Eropah) dan KN (versi Korea Selatan) memerlukan muat turun dan pemasangan berasingan Windows Media Feature Pack. Untuk butiran, periksa laman web berikut. <http://go.microsoft.com/fwlink/?LinkId=159730>

### Memasang Perisian

Windows 7 dan Mac OS X 10.8 digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja.

#### 1 Muat turun perisian.

- Dengan komputer yang disambungkan ke Internet, akses <http://www.canon.com/icpd/>.
- Akses laman untuk negara atau daerah anda.
- Muat turun perisian.

#### 2 Pasangkan fail.

- Klik [Easy Installation] dan ikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan proses pemasangan.
- Pemasangan mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada prestasi komputer dan sambungan Internet.
- Klik [Finish] atau [Restart] pada skrin selepas pemasangan.



Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Akses Internet diperlukan dan sebarang caj akaun ISP dan bayaran akses mesti dibayar secara berasingan.



- Untuk menyahpasang perisian, ikuti langkah di bawah.
  - Windows: Pilih menu [Start] ► [All Programs] ► [Canon Utilities] dan kemudian pilih perisian untuk dinyahpasang.
  - Mac OS: Dalam folder [Canon Utilities] di dalam folder [Applications], seret folder perisian untuk dinyahpasang ke Trash dan kemudian kosongkan Trash.

## ■ Mengkonfigurasi Komputer untuk Sambungan Wi-Fi (Hanya Windows)

Pada komputer yang menggunakan Windows, konfigurasi tetap berikut sebelum menyambungkan kamera ke komputer secara wayarles.



### 1 Pastikan bahawa komputer disambungkan ke pusat akses.

- Untuk arahan tentang cara memeriksa sambungan rangkaian anda, rujuk kepada manual pengguna komputer.

### 2 Konfigurasi tetap.

- Klik mengikut urutan berikut: menu [Start] ► [All Programs] ► [Canon Utilities] ► [CameraWindow] ► [Wi-Fi connection setup].
- Dalam aplikasi yang terbuka, ikuti arahan pada skrin dan konfigurasi tetap.



- Tetapan Windows berikut dikonfigurasi apabila anda menjalankan utiliti dalam langkah 2.
  - Hidupkan penstriman media.  
Ini akan membolehkan kamera melihat (mencari) komputer untuk diakses melalui Wi-Fi.
  - Hidupkan penemuan rangkaian.  
Ini akan membolehkan komputer melihat (mencari) kamera.
  - Hidupkan ICMP (Protokol Mesej Kawalan Internet).  
Ini akan membolehkan anda memeriksa status sambungan rangkaian.
  - Aktifkan Universal Plug & Play (UPnP).  
Ini akan membolehkan peranti rangkaian saling mengesan satu sama lain secara automatik.
- Beberapa perisian keselamatan mungkin akan menghalang anda daripada melengkapkan tetapan seperti yang diterangkan di sini. Periksa tetapan perisian keselamatan anda.



## Menyimpan Imej ke Komputer yang Disambung

Sambung ke pusat akses anda melalui Wi-Fi seperti berikut. Rujuk juga kepada manual pengguna pusat akses.

### Mengesahkan Keserasian Pusat Akses

Sahkan bahawa penghala Wi-Fi atau stesen dasar memenuhi standard Wi-Fi dalam "Kamera" (📖135).

Kaedah sambungan berbeza bergantung pada sama ada pusat akses menyokong Wi-Fi Protected Setup (WPS, 📖78) atau tidak (📖80).

Untuk pusat akses bukan WPS, periksa maklumat berikut.

- Nama rangkaian (SSID/ESSID)  
SSID atau ESSID untuk pusat akses yang anda gunakan. Dipanggil juga sebagai "nama pusat akses" atau "nama rangkaian".
- Pengesahan rangkaian / penyulitan data (kaedah penyulitan / mod penyulitan)  
Kaedah untuk menyulitkan data ketika pemindahan wayarles. Periksa tetapan keselamatan yang mana digunakan: WPA2-PSK (AES), WPA2-PSK (TKIP), WPA-PSK (AES), WPA-PSK (TKIP), WEP (pengesahan sistem terbuka) atau tiada keselamatan.
- Kata Laluan (kekunci penyulitan / kekunci rangkaian)  
Kunci yang digunakan apabila menyulitkan data ketika pemindahan wayarles. Dipanggil juga sebagai "kekunci penyulitan" atau "kekunci rangkaian".
- Indeks kekunci (kekunci pindah)  
Kekunci yang ditetapkan apabila WEP digunakan untuk pengesahan rangkaian / penyulitan data. Gunakan "1" sebagai tetapan.




- Jika status pentadbir sistem diperlukan untuk melaraskan tetapan rangkaian, hubungi pentadbir sistem untuk butiran.
- Tetapan ini sangat penting untuk keselamatan rangkaian. Berhati-hati apabila menukar tetapan ini.



- Untuk maklumat tentang keserasian WPS dan untuk arahan tentang memeriksa tetapan, rujuk kepada manual pengguna pusat akses.
- Penghala ialah peranti yang mencipta struktur rangkaian (LAN) untuk menyambungkan berbilang komputer. Penghala yang mengandungi fungsi Wi-Fi dalam disebut sebagai "penghala Wi-Fi".
- Panduan ini merujuk kepada semua penghala Wi-Fi dan stesen dasar sebagai "pusat akses".
- Jika anda menggunakan penuras alamat MAC pada rangkaian Wi-Fi anda, pastikan untuk menambahkan alamat MAC kamera ke pusat akses anda. Anda boleh memeriksa alamat MAC kamera anda dengan memilih MENU (📖21) ► tab [🔑] ► [Tetapan Wayarles] ► [Setting Wi-Fi] ► [Semak Alamat MAC].

### Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS

WPS mempermudah penyelesaian tetapan apabila menyambungkan peranti melalui Wi-Fi. Anda boleh menggunakan sama ada Kaedah Konfigurasi Tekan Butang atau Kaedah PIN untuk tetapan pada peranti yang disokong WPS.



#### 1 Pastikan bahawa komputer disambungkan ke pusat akses.

- Untuk arahan tentang cara memeriksa sambungan, rujuk kepada peranti dan manual pengguna pusat akses.

#### 2 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [🔑].
- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, tekan butang [▲][▼] untuk pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📖].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks






### 3 Pilih [🖥️].

- Tekan tombol [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [🖥️] dan kemudian tekan tombol [📶].




### 4 Pilih [Tambah Peranti].

- Tekan tombol [▲][▼] untuk memilih [Tambah Peranti] dan kemudian tekan tombol [📶].






### 5 Pilih [Sambungan WPS].

- Tekan tombol [▲][▼] untuk memilih [Sambungan WPS] dan kemudian tekan tombol [📶].



### 6 Pilih [Kaedah PBC].

- Tekan tombol [▲][▼] untuk memilih [Kaedah PBC] dan kemudian tekan tombol [📶].



### 7 Wujudkan sambungan.

- Pada pusat akses, tahan tombol sambungan WPS untuk beberapa saat.

- Pada kamera, tekan tombol [📶] untuk pergi ke langkah seterusnya.
- Kamera menyambung ke pusat akses dan menyenaraikan peranti yang disambung dengannya pada skrin [Pilih Peranti].



### 8 Pilih peranti sasaran.

- Tekan tombol [▲][▼] untuk memilih nama peranti sasaran dan kemudian tekan tombol [📶].

### 9 Pasangkan pemacu (hanya sambungan Windows pertama).

- Apabila skrin ini dipaparkan pada kamera, klik menu Start pada komputer, klik [Control Panel] dan kemudian klik [Add a device].





- Dwiklik ikon kamera yang disambungkan.
- Pemasangan pemacu akan dimulakan.
- Selepas pemasangan pemacu lengkap dan sambungan antara kamera dan komputer diaktifkan, skrin AutoPlay akan dipaparkan. Tiada apa-apa akan dipaparkan pada skrin kamera.

## 10 Paparkan CameraWindow.

- Windows: Akses CameraWindow dengan klik [Downloads Images From Canon Camera].
- Mac OS: CameraWindow dipaparkan secara automatik apabila sambungan Wi-Fi diwujudkan antara kamera dan komputer.

## 11 Import imej.

- Klik [Import Images from Camera] dan kemudian klik [Import Untransferred Images].
- Imej kini disimpan dalam folder Pictures pada komputer, dalam folder berasingan yang dinamakan berdasarkan tarikh.
- Klik [OK] pada skrin yang dipaparkan selepas pengimportan imej lengkap.
- Untuk melihat imej yang anda simpan dalam komputer, gunakan perisian yang sudah dipasang atau tersedia umum yang serasi dengan imej yang ditangkap oleh kamera.



- Sebaik sahaja anda telah menyambung ke peranti melalui menu Wi-Fi, destinasi terkini akan disenaraikan terlebih dahulu apabila anda mengakses menu Wi-Fi. Anda boleh dengan mudah menyambung sekali lagi dengan menekan butang [▲][▼] untuk memilih peranti dan kemudian menekan butang [Ⓜ]. Untuk menambahkan peranti baharu, paparkan skrin pemilihan peranti dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian konfigurasi tetap.
- Jika anda tidak ingin memaparkan peranti sasaran terkini, pilih MENU [Ⓜ] ▶ tab [↑] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Setting Wi-Fi] ▶ [Sejarah Sasaran] ▶ [Padam].
- Anda juga boleh menukar nama samaran kamera pada skrin dalam langkah 2 [78].
- Apabila kamera disambung ke komputer, skrin kamera adalah kosong.
- Mac OS: Jika CameraWindow tidak dipaparkan, klik ikon [CameraWindow] dalam Dock.
- Untuk memutuskan sambungan daripada kamera, matikan kamera.
- Jika anda memilih [Kaedah PIN] dalam langkah 6, satu kod PIN akan dipaparkan pada skrin. Pastikan untuk menetapkan kod ini dalam pusat akses. Pilih peranti dalam skrin [Pilih Peranti]. Untuk butiran lebih lanjut, rujuk kepada manual pengguna yang disertakan dengan pusat akses anda.

## ■ Menyambung ke Pusat Akses yang Disenaraikan


### 1 Lihat pusat akses yang disenaraikan.

- Lihat rangkaian yang disenaraikan (pusat akses) seperti yang diterangkan dalam langkah 1 – 4 “Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS” [78].

### 2 Pilih pusat akses.


- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih rangkaian (pusat akses) dan kemudian tekan butang [Ⓜ].





### 3 Masukkan kata laluan pusat akses.

- Tekan butang [OK] untuk mengakses papan kekunci dan kemudian masukkan kata laluan (📖22).
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Selepas] dan kemudian tekan butang [OK].



### 4 Pilih [Auto].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Auto] dan kemudian tekan butang [OK].
- Untuk menyimpan imej ke komputer yang telah disambungkan, ikuti prosedur dari langkah 8 dalam "Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS" (📖78).



- Untuk menentukan kata laluan pusat akses, periksa pusat akses tersebut atau rujuk kepada manual pengguna.
- Jika tiada pusat akses dikesan walaupun selepas anda memilih [Segar semula] dalam langkah 2 untuk mengemas kini senarai, pilih [Settin Manual] dalam langkah 2 untuk melengkapkan tetapan pusat akses secara manual. Ikuti arahan pada skrin dan masukkan SSID, tetapan keselamatan dan kata laluan.
- Apabila anda menggunakan pusat akses yang sebelumnya telah anda sambungkan untuk menyambung ke peranti lain, [\*] akan dipaparkan untuk kata laluan dalam langkah 3. Untuk menggunakan kata laluan yang sama, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Selepas] dan kemudian tekan butang [OK].

### ■ Pusat Akses Sebelumnya

Anda boleh menyambungkan semula ke pusat akses sebelumnya secara automatik dengan mengikuti langkah 4 dalam "Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS" (📖78).

- Untuk menyambung ke peranti melalui pusat akses, pastikan bahawa peranti sasaran telah bersambung dengan pusat akses dan kemudian ikuti prosedur dari langkah 8 dalam "Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS" (📖78).
- Untuk menukar pusat akses, pilih [Tukar Rangkaian] pada skrin yang dipaparkan apabila anda mewujudkan sambungan dan kemudian sama ada ikuti prosedur dalam "Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS" (📖78) dari langkah 5 atau prosedur dalam "Menyambung ke Pusat Akses yang Disenaraikan" (📖80) dari langkah 2.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menghantar Imej ke Perkhidmatan Web Berdaftar

### Mendaftarkan Perkhidmatan Web

Menggunakan telefon pintar atau komputer untuk menambah pada perkhidmatan Web kamera yang anda ingin gunakan.




- Telefon pintar atau komputer dengan pelayar dan sambungan Internet diperlukan untuk menyelesaikan tetapan kamera untuk CANON iMAGE GATEWAY dan perkhidmatan Web yang lain.
- Periksa laman web CANON iMAGE GATEWAY untuk butiran tentang keperluan pelayar (Microsoft Internet Explorer, dll), termasuk tetapan dan maklumat versi.
- Untuk maklumat tentang negara dan daerah di mana CANON iMAGE GATEWAY tersedia, lawati laman web Canon (<http://www.canon.com/cig/>).
- Anda mesti memiliki akaun jika anda ingin menggunakan perkhidmatan Web selain CANON iMAGE GATEWAY. Untuk butiran lanjut, rujuk kepada laman web untuk setiap perkhidmatan Web yang anda ingin daftarkan.
- Bayaran berasingan kepada sambungan ISP dan pusat akses mungkin dikenakan.



- CANON iMAGE GATEWAY juga menyediakan panduan pengguna untuk memuat turun.

### Mendaftarkan CANON iMAGE GATEWAY

Menyambung kamera dan CANON iMAGE GATEWAY dengan menambahkan CANON iMAGE GATEWAY sebagai destinasi perkhidmatan Web pada kamera. Ambil perhatian bahawa anda perlu memasukkan alamat emel yang digunakan pada komputer atau telefon pintar anda untuk menerima mesej pemberitahuan untuk melengkapkan tetapan sambungan.



#### 1 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [Wi-Fi].
- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, tekan butang [▲][▼] untuk pilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].

#### 2 Pilih [Cloud].

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Cloud] dan kemudian tekan butang [OK].

#### 3 Terima persetujuan untuk memasukkan alamat emel.

- Baca persetujuan yang dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Saya Setuju] dan kemudian tekan butang [OK].

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi




Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





#### 4 Wujudkan sambungan dengan pusat akses.


- Sambung ke pusat akses seperti yang diterangkan dalam langkah 5 – 7 “Menggunakan Pusat Akses Serasi WPS” (📖78) atau dalam langkah 2 – 4 “Menyambung ke Pusat Akses yang Disenaraikan” (📖80).

#### 5 Masukkan alamat emel anda.

- Sebaik sahaja kamera menyambung ke CANON iMAGE GATEWAY melalui pusat akses, skrin untuk memasukkan alamat emel dipaparkan.
- Masukkan alamat emel anda, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Selepas] dan kemudian tekan butang [📧].

#### 6 Masukkan nombor empat angka.

- Masukkan nombor empat angka pilihan anda, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Selepas] dan kemudian tekan butang [🔑].
- Anda akan memerlukan nombor empat angka ini sebentar apabila menyediakan sambungan dengan CANON iMAGE GATEWAY dalam langkah 8.



#### 7 Periksa untuk mesej pemberitahuan.

- Sebaik sahaja maklumat dihantar ke CANON iMAGE GATEWAY, anda akan menerima mesej pemberitahuan pada alamat emel yang dimasukkan dalam langkah 5.
- Tekan butang [📧] pada skrin seterusnya, yang menunjukkan pemberitahuan telah dihantar.
- [☁] sekarang bertukar kepada [☁+].

#### 8 Akses halaman dalam mesej pemberitahuan dan melengkapkan tetapan sambungan kamera.

- Dari komputer atau telefon pintar, akses halaman yang dipaut dalam mesej pemberitahuan.
- Ikuti arahan untuk melengkapkan tetapan pada halaman tetapan sambungan kamera.





## 9 Lengkapi tetapan CANON iMAGE GATEWAY pada kamera.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [🌐] dan tekan butang [📷].
- [📷] (📖91) dan CANON iMAGE GATEWAY kini ditambah sebagai destinasi.
- Anda boleh menambah perkhidmatan Web yang lain mengikut keperluan. Dalam keadaan ini, ikuti arahan dari langkah 2 dalam “Mendaftarkan Perkhidmatan Web Lain” (📖84).



- Terlebih dahulu, pastikan bahawa komputer atau aplikasi mel telefon pintar anda tidak dikonfigurasi untuk menghalang emel dari domain berkaitan, yang mungkin menghalang anda daripada menerima mesej pemberitahuan.



- Anda juga boleh menukar nama samaran kamera pada skrin dalam langkah 1 (📖82).
- Sebaik sahaja anda telah menyambung ke peranti melalui menu Wi-Fi, destinasi terkini akan disenaraikan terlebih dahulu apabila anda mengakses menu. Tekan butang [◀][▶] untuk mengakses skrin pemilihan peranti dan kemudian konfigurasi tetapan tersebut.

## Mendaftarkan Perkhidmatan Web Lain

Anda juga boleh menambahkan perkhidmatan Web selain CANON iMAGE GATEWAY ke kamera.



### 1 Log masuk ke CANON iMAGE GATEWAY dan akses halaman tetapan sambungan kamera.


- Dari komputer atau telefon pintar, akses <http://www.canon.com/cig/> untuk melawati CANON iMAGE GATEWAY.

### 2 Konfigurasi perkhidmatan Web yang anda ingin gunakan.

- Pada komputer atau telefon pintar, paparkan skrin tetapan perkhidmatan Web.
- Ikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan tetapan untuk perkhidmatan Web yang anda ingin gunakan.

### 3 Pilih [🌐].

- Tekan butang [(📷)].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [🌐] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tetapan perkhidmatan Web sekarang dikemas kini.



- Jika sebarang tetapan yang telah dikonfigurasi bertukar, ikuti semula langkah ini untuk mengemas kini tetapan kamera.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



## Memuat Naik Imej ke Perkhidmatan Web



### 1 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [Wi-Fi].



### 2 Pilih destinasi.

- Tekan butang [Hantar][Pilih & hantar][Hantar] untuk memilih ikon perkhidmatan Web untuk sambungan dan kemudian tekan butang [OK].
- Jika berbilang penerima atau pilihan perkongsian digunakan dengan perkhidmatan Web, pilih item yang diinginkan pada skrin [Pilih Penerima] dengan menekan butang [Hantar][Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [OK].



### 3 Hantar imej.

- Tekan butang [Hantar][Pilih & hantar][Hantar] untuk memilih [Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [Hantar][Pilih] untuk memilih [Pilih] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [Hantar][Pilih & hantar][Hantar] untuk memilih imej yang akan dihantar, tekan butang [OK] untuk menandanya sebagai imej dipilih ([✓]) dan kemudian tekan butang [MENU].
- Tekan butang [Hantar][Pilih & hantar][Hantar] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].

- Tekan butang [Hantar][Pilih & hantar][Hantar] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [OK].
- Apabila memuat naik ke YouTube, baca syarat perkhidmatan, pilih [Saya Setuju] dan tekan butang [OK].
- Tekan butang [OK] untuk kembali ke skrin main balik sebaik sahaja [Ok] dipaparkan selepas imej dihantar.



- Sambungan memerlukan kad memori dengan imej yang telah disimpan berada di dalam kamera.
- Anda juga boleh menghantar beberapa imej pada masa yang sama, menukar saiz imej dan menambah komen sebelum menghantar (89).
- Anda boleh menghantar imej semasa dengan memilih [Hantar imej ini] pada skrin dalam langkah 3.
- Untuk melihat imej yang dimuat naik ke CANON IMAGE GATEWAY pada telefon pintar, cuba aplikasi khusus Canon Online Photo Album. Muat turun dan pasang aplikasi Canon Online Photo Album untuk iPhones atau iPads dari App Store atau untuk peranti Android dari Google Play.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Mencetak Imej secara Wayarles dari Pencetak yang Bersambung

Sambungkan kamera ke pencetak melalui Wi-Fi untuk mencetak seperti berikut.

Langkah-langkah ini menunjukkan cara untuk menggunakan kamera sebagai pusat akses, tetapi anda juga boleh menggunakan pusat akses sedia ada (75).




### 1 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [Wi-Fi].




### 2 Pilih [Pencetak].

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Pencetak] dan tekan butang [OK].



### 3 Pilih [Tambah Peranti].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tambah Peranti] dan kemudian tekan butang [OK].



- SSID kamera dan kata laluan dipaparkan.

### 4 Sambungkan pencetak ke rangkaian.

- Dalam menu tetapan Wi-Fi pencetak, pilih SSID (nama rangkaian) yang dipaparkan pada kamera untuk mewujudkan sambungan.
- Dalam medan kata laluan, masukkan kata laluan yang dipaparkan pada kamera.

### 5 Pilih pencetak.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih nama pencetak dan kemudian tekan butang [OK].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





## 6 Pilih imej untuk dicetak.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.
- Tekan butang [⊞], pilih [📄] dan tekan butang [⊞] sekali lagi.
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Cetak] dan kemudian tekan butang [⊞].
- Untuk arahan mencetak yang terperinci, lihat “Mencetak Imej” (📖112).
- Untuk memutuskan sambungan, tekan butang [▲], tekan butang [◀][▶] pada skrin pengesahan untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊞].




- Sambungan memerlukan kad memori dengan imej yang telah disimpan berada di dalam kamera.
- Sebaik sahaja anda telah menyambung ke peranti melalui menu Wi-Fi, destinasi terkini akan disenaraikan terlebih dahulu apabila anda mengakses menu Wi-Fi. Anda boleh dengan mudah menyambung sekali lagi dengan menekan butang [▲][▼] untuk memilih peranti dan kemudian menekan butang [⊞]. Untuk menambahkan peranti baharu, paparkan skrin pemilihan peranti dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian konfigurasi tetap.
- Jika anda tidak ingin memaparkan peranti sasaran terkini, pilih MENU (📖21) ▶ tab [📶] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Seting Wi-Fi] ▶ [Sejarah Sasaran] ▶ [Padam].
- Untuk menyambung tanpa memasukkan kata laluan dalam langkah 4, pilih MENU (📖21) ▶ tab [📶] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Seting Wi-Fi] ▶ [Kata Laluan] ▶ [Padam]. [Kata Laluan] tidak dipaparkan pada skrin SSID lagi (dalam langkah 3).
- Untuk menggunakan pusat akses yang lain, ikuti langkah 3 – 4 dalam “Menggunakan Pusat Akses Lain” (📖75).

## Menghantar Imej ke Kamera Lain

Sambungkan dua kamera melalui Wi-Fi dan hantar imej antara dua peranti tersebut seperti berikut.

- Hanya kamera berjenama Canon yang dilengkapi dengan fungsi Wi-Fi boleh disambungkan secara wayarles. Anda tidak boleh menyambung ke kamera berjenama Canon yang tidak mempunyai fungsi Wi-Fi, walaupun ia menyokong Kad Eye-Fi/FlashAir.



### 1 Akses menu Wi-Fi.

- Tekan butang [📶].



### 2 Pilih [📷].

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [⊞].



### 3 Pilih [Tambah Peranti].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tambah Peranti] dan kemudian tekan butang [⊞].
- Ikuti langkah 1 – 3 pada kamera sasaran juga.
- Maklumat sambungan kamera akan ditambahkan apabila [Mulakan sambungan pd kamera target] dipaparkan pada skrin kedua-dua kamera.





#### 4 Hantar imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Pilih] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang akan dihantar, tekan butang [📷] untuk menandanya sebagai imej dipilih ([✓]) dan kemudian tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [📷].
- [Pindahan berjaya] akan dipaparkan selepas imej dihantar dan skrin pindah imej akan dipaparkan sekali lagi.
- Untuk memutuskan sambungan, tekan butang [MENU], tekan butang [◀][▶] pada skrin pengesahan untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].



- Sambungan memerlukan kad memori berada di dalam kamera.
- Sebaik sahaja anda telah menyambung ke peranti melalui menu Wi-Fi, destinasi terkini akan disenaraikan terlebih dahulu apabila anda mengakses menu Wi-Fi. Anda boleh dengan mudah menyambung sekali lagi dengan menekan butang [▲][▼] untuk memilih peranti dan kemudian menekan butang [📷]. Untuk menambahkan peranti baharu, paparkan skrin pemilihan peranti dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian konfigurasi tetapan.
- Jika anda tidak ingin memaparkan peranti sasaran terkini, pilih MENU (📖21) ▶ tab [🔍] ▶ [Tetapan Wayarles] ▶ [Seting Wi-Fi] ▶ [Sejarah Sasaran] ▶ [Padam].
- Anda juga boleh menghantar beberapa imej pada masa yang sama dan menukar saiz imej sebelum menghantar (📖89).
- Anda boleh menghantar imej semasa dengan memilih [Hantar imej ini] pada skrin dalam langkah 4.



## Pilihan Menghantar Imej

Anda boleh memilih beberapa imej untuk dihantar pada masa yang sama dan menukar tetapan piksel imej (saiz) sebelum menghantar. Sesetengah perkhidmatan Web juga membenarkan anda untuk mencatat imej yang anda hantar.

## Menghantar Berbilang Imej

Pada skrin pindah imej, tentukan julat imej untuk dihantar atau hantar hanya imej yang ditandai sebagai kesukaan.



### 1 Pilih [Pilih & hantar].

- Pada skrin pindah imej, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Pilih & hantar] dan kemudian tekan butang [⊕].



### 2 Pilih kaedah pemilihan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih kaedah pemilihan.

## Memilih Julat

### 1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menghantar Berbilang Imej” (89), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [⊕].



## 2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memilih Julat” (61) untuk menentukan imej.
- Untuk memasukkan filem, tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Tmsk filem] dan kemudian tekan butang [⊕] untuk menandakan pilihan itu telah dipilih (✓).
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].

## 3 Hantar imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [⊕].

## Menghantar Imej Kegemaran

Menghantar hanya imej yang ditandai sebagai kesukaan (66).

### 1 Pilih [Imej Kegemaran].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menghantar Berbilang Imej” (89), pilih [Imej Kegemaran] dan tekan butang [⊕].
- Skrin pemilihan imej untuk kegemaran dipaparkan. Jika anda lebih suka tidak memasukkan imej, pilih imej dan tekan butang [⊕] untuk membuang [✓].
- Tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].

### 2 Hantar imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [⊕].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Dalam langkah 1, [Imej Kegemaran] tidak tersedia kecuali anda telah mengetag imej sebagai kegemaran.

## Nota tentang Menghantar Imej

- Bergantung pada keadaan rangkaian yang anda gunakan, penghantaran filem mungkin mengambil masa yang lama. Pastikan anda tetap mengawasi aras bateri kamera.
- Perkhidmatan Web mungkin mengehadkan bilangan imej atau panjang filem yang boleh anda hantar.
- Apabila menghantar filem ke telefon pintar, ambil perhatian bahawa kualiti imej yang disokong berbeza bergantung pada telefon pintar. Untuk butiran, rujuk kepada manual pengguna telefon pintar.
- Pada skrin, kekuatan isyarat wayarles ditunjukkan dengan ikon berikut. [Tinggi] tinggi, [Sederhana] sederhana, [Rendah] rendah, [Lemah] lemah
- Menghantar imej ke perkhidmatan Web akan mengambil masa yang kurang apabila anda menghantar semula imej yang sebelumnya telah anda hantar namun masih berada dalam pelayan CANON iMAGE GATEWAY.

## Memilih Bilangan Piksel (Saiz Imej)

Pada skrin pindah imej, pilih [M2] dengan menekan butang [▲][▼] dan kemudian tekan butang [M2]. Pada skrin yang dipaparkan, pilih tetapan piksel (saiz imej) dengan menekan butang [▲][▼] dan kemudian tekan butang [M2].

- Untuk menghantar imej dalam saiz asalnya, pilih [Tidak] sebagai pilihan penukaran saiz.
- Memilih [M2] akan menukar saiz imej yang lebih besar daripada saiz yang dipilih sebelum dihantar.
- Filem tidak boleh ditukar saiz.



- Saiz imej juga boleh dikonfigurasi dalam MENU (M21) ► tab [F1] ► [Tetapan Wayarles] ► [Seting Wi-Fi] ► [Tukar saiz utk Penghantaran].

## Menambah Komen

Dengan menggunakan kamera, anda boleh menambah komen pada imej yang anda hantar ke alamat e-mel, perkhidmatan rangkaian sosial, dll. Bilangan aksara dan simbol yang boleh dimasukkan mungkin berbeza bergantung pada perkhidmatan Web.



### 1 Akses skrin untuk menambah komen.

- Pada skrin pindah imej, pilih [M2] dengan menekan butang [▲][▼][M2] dan kemudian tekan butang [M2].

### 2 Tambah komen (M22).

### 3 Hantar imej.



- Jika komen tidak dimasukkan, maka komen yang telah ditetapkan dalam CANON iMAGE GATEWAY akan dihantar secara automatik.
- Anda juga boleh mencatat beberapa imej sebelum menghantarnya. Komen yang sama ditambah pada semua imej yang dihantar secara bersama.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menghantar Imej secara Automatik (Penyegerakan Imej)

Imej dalam kad memori yang belum dihantar boleh dihantar ke komputer atau perkhidmatan Web melalui CANON iMAGE GATEWAY. Ambil perhatian bahawa imej tidak boleh dihantar hanya ke perkhidmatan Web.

### Persediaan Awal

#### Menyediakan Kamera

Daftarkan [📷] sebagai destinasi. Pada komputer destinasi, anda akan pasang dan konfigurasi Image Transfer Utility, perisian percuma yang serasi dengan Penyegerakan Imej.



#### 1 Tambah [📷] sebagai destinasi.

- Tambah [📷] sebagai destinasi, seperti yang diterangkan dalam "Mendaftarkan CANON iMAGE GATEWAY" (📖82).
- Untuk memasukkan perkhidmatan Web sebagai destinasi, log masuk ke CANON iMAGE GATEWAY (📖82), pilih model kamera anda, akses skrin tetapan perkhidmatan Web dan pilih destinasi perkhidmatan Web dalam tetapan Penyegerakan Imej. Untuk butiran, rujuk kepada CANON iMAGE GATEWAY Help.

#### Menyediakan Komputer

Pasang dan konfigurasi perisian pada komputer destinasi.



#### 2 Pilih jenis imej untuk dihantar (hanya apabila menghantar filem dengan imej).

- Tekan butang [MENU], pilih [Tetapan Wayarles] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Seting Wi-Fi] (📖21).
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Sync Imej] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Pegun/Video].

#### 1 Pasangkan Image Transfer Utility.

- Pasangkan Image Transfer Utility pada komputer yang disambungkan ke Internet (📖76).
- Image Transfer Utility juga boleh dimuat turun daripada halaman tetapan Penyegerakan Imej CANON iMAGE GATEWAY (📖82).

#### 2 Daftarkan kamera.

- Windows: Pada bar tugas, klik kanan [📷] dan kemudian klik [Add new camera].
- Mac OS: Pada bar menu, klik [📷] dan kemudian klik [Add new camera].
- Senarai kamera yang disambungkan ke CANON iMAGE GATEWAY akan dipaparkan. Pilih kamera daripada mana imej akan dihantar.
- Sebaik sahaja kamera terdaftar dan komputer bersedia menerima gambar, ikon akan bertukar menjadi [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Menghantar Imej

Imej yang dihantar dari kamera akan disimpan secara automatik ke komputer. Jika komputer yang ingin anda hantarkan imej dimatikan, maka imej akan disimpan sementara pada pelayan CANON iMAGE GATEWAY. Imej yang disimpan akan dipadam dengan kerap, maka pastikan anda menghidupkan komputer dan menyimpan imej tersebut.

### 1 Hantar Imej.

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Memuat Naik Imej ke Perkhidmatan Web” (📖85) dan pilih [📷].
- Imej yang dihantar dilabelkan dengan ikon [📷].

### 2 Simpan imej ke komputer.

- Imej akan disimpan secara automatik ke komputer apabila anda menghidupkan komputer.
- Imej akan dihantar secara automatik ke perkhidmatan Web daripada pelayan CANON iMAGE GATEWAY, walaupun komputer dimatikan.



- Apabila menghantar imej, anda harus menggunakan pek bateri yang dicas sepenuhnya.



- Walaupun jika imej diimport ke komputer dengan kaedah berbeza, sebarang imej yang belum dihantar ke komputer melalui CANON iMAGE GATEWAY akan dihantar ke komputer.
- Penghantaran imej akan menjadi lebih cepat jika destinasi ialah komputer yang berada dalam rangkaian yang sama dengan kamera, kerana imej akan dihantar melalui pusat akses di samping CANON iMAGE GATEWAY. Ambil perhatian bahawa imej yang disimpan dalam komputer akan dihantar ke CANON iMAGE GATEWAY, jadi komputer tersebut harus disambungkan ke Internet.

## Melihat Imej yang Dihantar melalui Penyegerakan Imej pada Telefon Pintar

Dengan memasang aplikasi Canon Online Photo Album (Canon OPA), anda boleh menggunakan telefon pintar untuk melihat dan memuat turun imej yang dihantar melalui Penyegerakan Imej ketika imej disimpan sementara pada pelayan CANON iMAGE GATEWAY.

Dalam persediaan, membenarkan akses telefon pintar seperti berikut.

- Pastikan anda melengkapkan tetapan yang diterangkan dalam “Menyediakan Komputer” (📖91).
- Muat turun dan pasang aplikasi Canon Online Photo Album untuk iPhones atau iPads dari App Store atau untuk peranti Android dari Google Play.
- Log masuk ke CANON iMAGE GATEWAY (📖82), pilih model kamera anda, akses skrin tetapan perkhidmatan Web dan membenarkan melihat dan memuat turun daripada telefon pintar dalam tetapan Penyegerakan Imej. Untuk butiran, rujuk kepada CANON iMAGE GATEWAY Help.



- Sebaik sahaja imej disimpan sementara pada pelayan CANON iMAGE GATEWAY dihapuskan, imej tidak boleh dilihat lagi.
- Imej yang anda hantar sebelum membenarkan telefon pintar untuk melihat dan memuat turun dalam tetapan Penyegerakan Imej tidak boleh diakses dengan cara ini.



- Untuk arahan Canon Online Photo Album, rujuk kepada Canon Online Photo Album Help.



## Menggunakan Telefon Pintar untuk Melihat Imej Kamera dan Mengawal Kamera

Anda boleh melakukan perkara berikut dengan aplikasi khusus telefon pintar Camera Connect.

- Semak lalu imej pada kamera dan simpannya ke dalam telefon pintar
- Geotag imej pada kamera (📖93)
- Tangkap secara kawalan jauh (📖93)



- Dalam tetapan kamera, telefon pintar mesti dibenarkan untuk melihat imej kamera (📖73, 📖94).

## Menambah Geotag pada Imej dalam Kamera

Data GPS yang direkod pada telefon pintar menggunakan aplikasi Camera Connect yang dikhususkan boleh ditambah ke imej dalam kamera. Imej ditandai dengan maklumat termasuk latitud, longitud dan ketinggian.



- Sebelum menangkap, pastikan bahawa tarikh dan masa dan zon masa tempatan anda telah ditetapkan dengan betul seperti yang diterangkan dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (📖12). Juga ikuti langkah dalam “Jam Dunia” (📖99) untuk menentukan sebarang destinasi penangkapan dalam zon masa lain.
- Orang lain mungkin dapat mengesan atau mengenal pasti anda dengan menggunakan data lokasi dalam imej pegun atau filem yang ditambah geotag. Berhati-hati apabila berkongsi imej ini dengan orang lain, seperti apabila menghantar imej dalam talian di mana ramai orang dapat melihat imej tersebut.

## Menangkap secara Kawalan Jauh

Sambil anda memeriksa skrin penangkapan pada telefon pintar anda, anda boleh menggunakannya untuk menangkap secara kawalan jauh.

### 1 Pasangkan kamera dengan kukuh.

- Sebaik sahaja penangkapan kawalan jauh bermula, lensa kamera akan keluar. Pergerakan lensa akibat mengezum juga mungkin menggerakkan kamera dari kedudukannya. Pastikan kamera tidak bergerak dengan memasangkannya pada tripod atau mengambil langkah lain.

### 2 Sambungkan kamera dan telefon pintar (📖73).

- Dalam tetapan privasi, pilih [Ya].

### 3 Pilih penangkapan kawalan jauh.

- Dalam Camera Connect pada telefon pintar, pilih penangkapan kawalan jauh.
- Lensa kamera akan keluar. Jauhkan jari anda dari lensa dan pastikan tiada benda lain menghalang lensa.
- Apabila kamera bersedia untuk penangkapan kawalan jauh, imej langsung dari kamera akan dipaparkan pada telefon pintar.
- Pada masa ini, mesej dipaparkan pada kamera dan semua operasi kecuali menekan butang kuasa akan dilumpuhkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



#### 4 Tangkap.

- Gunakan telefon pintar untuk menangkap.



- Kamera berfungsi dalam mod [P] semasa penangkapan kawalan jauh. Namun, sesetengah tetapan FUNC. dan MENU yang anda tetapkan sebelumnya mungkin ditukar secara automatik.
- Rakaman filem tidak tersedia.



- Sebarang pergerakan subjek tersentak-sentak dipaparkan pada telefon pintar yang disebabkan oleh persekitaran sambungan tidak akan mempengaruhi imej yang direkod.
- Tiada bingkai AF dipaparkan. Tangkap imej ujian untuk memeriksa fokus.
- Imej yang ditangkap tidak dihantar ke telefon pintar. Gunakan telefon pintar untuk menyemak lalu dan mengimport imej dari kamera.

## Mengedit atau Memadamkan Tetapan Wi-Fi

Edit atau padam tetapan Wi-Fi seperti berikut.

### Mengedit Maklumat Sambungan



#### 1 Akses menu Wi-Fi dan pilih peranti untuk diedit.

- Tekan butang [(P)].
- Tekan butang [◀][▶] untuk mengakses skrin pemilihan peranti, tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih ikon peranti untuk diedit dan kemudian tekan butang [FUNC].


#### 2 Pilih [Edit Peranti].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Edit Peranti] dan kemudian tekan butang [FUNC].







#### 3 Pilih peranti untuk diedit.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih peranti untuk diedit dan kemudian tekan butang [FUNC].



#### 4 Pilih item untuk diedit.


- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item untuk diedit dan kemudian tekan butang [MENU].
- Item yang boleh anda tukar bergantung pada peranti atau perkhidmatan.

Item yang Boleh Dikonfigurasi	Sambungan				Perkhidmatan Web
					
[Tukar nama samaran peranti] (📖95)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	–
[Melihat Settin] (📖73)	–	<input type="radio"/>	–	–	–
[Padam info sambungan] (📖95)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	–

○ : Boleh dikonfigurasi    – : Tidak boleh dikonfigurasi

#### ■ Menukar Nama Samaran Peranti


Anda boleh menukar nama samaran peranti (nama paparan) yang dipaparkan pada kamera.



- Ikuti langkah 4 dalam “Mengedit Maklumat Sambungan” (📖94), pilih [Tukar nama samaran peranti] dan tekan butang [MENU].
- Pilih kotak input dan tekan butang [MENU]. Gunakan papan kekunci yang dipaparkan untuk memasukkan nama samaran baru (📖22).

#### ■ Memadam Maklumat Sambungan

Padam maklumat sambungan (maklumat tentang peranti yang telah anda sambungkan) seperti berikut.



- Ikuti langkah 4 dalam “Mengedit Maklumat Sambungan” (📖94), pilih [Padam info sambungan] dan tekan butang [MENU].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [MENU].
- Maklumat sambungan akan dipadamkan.

#### ■ Menukar Nama Samaran Kamera

Tukar nama samaran kamera (dipaparkan pada peranti yang bersambung) seperti yang diinginkan.




#### 1 Pilih [Tetapan Wayarles].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tetapan Wayarles] pada tab [YT] (📖21).

#### 2 Pilih [Nama smrn].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Nama smrn] dan kemudian tekan butang [MENU].





### 3 Tukar nama samaran.

- Tekan butang [📁] untuk mengakses papan kekunci (📖22) dan kemudian masukkan nama samaran.



- Mesej dipaparkan jika nama samaran yang anda masukkan bermula dengan simbol atau ruang. Tekan butang [📁] dan masukkan nama samaran yang berbeza.
- Anda juga boleh menukar nama samaran dari skrin [Nama smrn] yang dipaparkan apabila anda pertama kali menggunakan Wi-Fi. Dalam keadaan ini, pilih kotak teks, tekan butang [📁] untuk mengakses paparan kekunci dan kemudian masukkan nama samaran baharu.

## Mengembalikan Tetapan Wi-Fi ke Lalai

Kembalikan tetapan Wi-Fi ke lalai jika anda memindahkan pemilikan kamera kepada orang lain atau apabila melupuskannya. Jika anda menetapkan semula tetapan Wi-Fi, semua tetapan perkhidmatan Web akan dipadamkan. Pastikan anda ingin menetapkan semula semua tetapan Wi-Fi sebelum menggunakan pilihan ini.



### 1 Pilih [Tetapan Wayarles].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tetapan Wayarles] pada tab [📁] (📖104).



### 2 Pilih [Settin Reset].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Settin Reset] dan kemudian tekan butang [📁].

### 3 Pulihkan tetapan lalai.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📁].
- Tetapan Wi-Fi kini ditetapkan semula.



- Untuk menetapkan semula tetapan lain (selain Wi-Fi) kepada lalai, pilih [Reset Semua] pada tab [📁] (📖104).

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



# Menu Tetapan

Sesuaikan atau laraskan fungsi kamera asas untuk kemudahan yang lebih

<b>Melaraskan Fungsi Kamera Asas</b> .....	<b>98</b>	Menggunakan Mod Eko .....	100	Paparan Metrik / Bukan Metrik .....	103
Meredamkan Bunyi Operasi Kamera .....	98	Pelarasan Jimat Kuasa .....	100	Memeriksa Logo Pensijilan .....	103
Melaraskan Volum.....	98	Kecerahan Skrin.....	101	Bahasa Paparan .....	103
Menyembunyikan Penunjuk & Tip.....	98	Menyembunyikan Skrin Permulaan .....	101	Melaraskan Tetapan Lain .....	104
Tarikh dan Masa .....	99	Memformat Kad Memori.....	101	Memulihkan Tetapan Lalai Kamera.....	104
Jam Dunia .....	99	Penomboran Fail .....	102		
Masa Tarik Balik Lensa .....	99	Penyimpanan Imej Berasaskan Tarikh.....	103		

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




## Melaraskan Fungsi Kamera Asas

Fungsi kamera asas dikonfigurasi pada tab [fT] dari MENU (📖21). Sesuaikan fungsi yang biasa digunakan seperti yang diinginkan, untuk kemudahan yang lebih.

## Meredamkan Bunyi Operasi Kamera

Redamkan bunyi kamera dan filem seperti berikut.



- Pilih [Bisu] dan kemudian pilih [On].



- Bunyi operasi juga boleh diredamkan dengan menahan butang [▼] semasa anda menghidupkan kamera.
- Bunyi tidak akan dimainkan ketika filem dimainkan (📖56) jika anda meredamkan bunyi kamera. Untuk memulihkan bunyi ketika filem dimainkan, tekan butang [▲]. Laraskan volum dengan butang [▲][▼] mengikut keperluan.

## Melaraskan Volum


Laraskan volum setiap bunyi kamera seperti berikut.



- Pilih [Volum] dan kemudian tekan butang [🔊].
- Pilih satu item dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan volum.

## Menyembunyikan Penunjuk & Tip

Penunjuk dan tip biasanya dipaparkan apabila anda memilih item FUNC. (📖20). Jika anda ingin, anda boleh menyahaktifkan maklumat ini.



- Pilih [Penunjuk & Tip] dan kemudian pilih [Padam].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



## Tarikh dan Masa


Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.



- Pilih [Hb/Masa] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih item dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan tetapan.


## Jam Dunia

Untuk memastikan bahawa tangkapan anda akan mempunyai tarikh dan masa tempatan yang betul ketika anda melancong ke luar negara, daftarkan sahaja destinasi anda terlebih dahulu dan tukar ke zon masa tersebut. Ciri mudah ini tidak memerlukan penukaran tetapan Hb/Masa secara manual. Sebelum menggunakan jam dunia, pastikan anda menetapkan tarikh dan masa serta zon masa rumah anda seperti yang diterangkan dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (12).



### 1 Tentukan destinasi anda.

- Pilih [Zon masa] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [X Dunia] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih destinasi.
- Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [☀] dengan menekan butang [▲][▼] dan kemudian pilih [☀] dengan menekan butang [◀][▶].
- Tekan butang [OK].



### 2 Tukar kepada zon masa destinasi.


- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [X Dunia] dan kemudian tekan butang [MENU].
- [X] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (127).



- Melaraskan tarikh atau masa ketika dalam mod [X] (13) akan mengemas kini tarikh dan masa [Home] anda secara automatik.

## Masa Tarik Balik Lensa

Lensa biasanya ditarik balik untuk keselamatan kira-kira seminit selepas anda menekan butang [▶] dalam mod Penangkapan (18). Untuk menarik balik lensa segera selepas anda menekan butang [▶], tetapkan masa tarik balik ke [0 saat].



- Pilih [Tarikbalik lensa] dan kemudian pilih [0 saat].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



## Menggunakan Mod Eko

Fungsi ini membenarkan anda untuk menjimatkan kuasa bateri dalam mod Penangkapan. Apabila kamera tidak digunakan, skrin akan menjadi gelap dengan cepat untuk mengurangkan penggunaan bateri.



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Mod Eko] dan kemudian pilih [On].
- [ECO] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (📖127).
- Skrin akan menjadi gelap apabila kamera tidak digunakan selama kira-kira dua saat; kira-kira sepuluh saat selepas penggelapan, skrin akan dimatikan. Kamera akan dimatikan dengan sendiri selepas ketidakaktifan selama kira-kira tiga minit.

### 2 Tangkap.

- Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih terkeluar, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

## Pelarasan Jimat Kuasa

Laraskan pemasa bagi penyahaktifan automatik skrin dan kamera (Mati Secara Auto dan Paparan Padam, masing-masing) mengikut keperluan (📖18).



- Pilih [Jimat kuasa] dan kemudian tekan butang [📏].
- Selepas memilih item, tekan butang [◀|▶] untuk melaraskannya mengikut keperluan.


- ⚠️ Untuk menjimat kuasa bateri, anda harus biasanya memilih [On] untuk [Mati secara auto] dan [1 min] atau kurang untuk [Paparan Padam].

- ✎ Tetapan [Paparan Padam] digunakan walaupun jika anda menetapkan [Mati secara auto] kepada [Padam].
- Fungsi jimat kuasa adalah tidak tersedia ketika anda menetapkan mod Eko (📖100) kepada [On].



## Kecerahan Skrin

Laraskan kecerahan skrin seperti berikut.




- Pilih [Kecerahan Pprn] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan kecerahan.



- Untuk kecerahan maksimum, tekan dan tahan butang [▼] selama kira-kira satu saat apabila skrin penangkapan dipaparkan atau apabila dalam paparan imej tunggal. (Ini akan mengatasi tetapan [Kecerahan Pprn] pada tab [↑↑].) Untuk memulihkan kecerahan asal, tekan dan tahan butang [▼] sekali lagi selama kira-kira satu saat atau hidupkan kamera semula.

## Menyembunyikan Skrin Permulaan

Jika anda ingin, anda boleh menyahaktifkan paparan skrin permulaan yang biasanya muncul apabila anda menghidupkan kamera.



- Pilih [Imej permulaan] dan kemudian pilih [Padam].

## Memformat Kad Memori



Sebelum menggunakan kad memori baharu atau kad memori yang diformat dalam peranti lain, anda harus memformat kad memori tersebut dengan kamera ini. Pemformatan memadam semua data pada kad memori. Sebelum memformat, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah lain untuk membuat sandaran.

### 1 Akses skrin [Fomat].

- Pilih [Fomat] dan kemudian tekan butang [ⓘ].

### 2 Pilih [Ok].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Batal], tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [ⓘ].



### 3 Format kad memori.

- Untuk memulakan proses memformat, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [ⓘ].
- Apabila pemformatan selesai, [Fomat kad memori selesai] dipaparkan. Tekan butang [ⓘ].



- Memformat atau memadamkan data pada kad memori hanya menukar maklumat pengurusan fail pada kad memori dan tidak memadamkan data tersebut dengan sepenuhnya. Apabila memindah atau membuang kad memori, ambil langkah untuk melindungi maklumat peribadi anda jika perlu, seperti menghancurkan kad memori secara fizikal.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Jumlah kapasiti kad memori yang ditunjukkan pada skrin pemformatan mungkin lebih rendah daripada kapasiti yang diiklankan.

## ■ Pemformatan Tahap Rendah

Lakukan pemformatan tahap rendah dalam keadaan berikut: [Kesilapan kad memori] dipaparkan, kamera tidak berfungsi dengan betul, pembacaan/penulisan imej pada kad lebih lambat, penangkapan berterusan lebih lambat atau rakaman filem terhenti secara tiba-tiba. Pemformatan tahap rendah akan memadam semua data pada kad memori. Sebelum pemformatan tahap rendah, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah lain untuk membuat sandaran.



- Pada skrin dalam langkah 2 “Memformat Kad Memori” (📖101), tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Format low level] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan ini. Ikon [✓] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memformat Kad Memori” (📖101) untuk meneruskan proses pemformatan.



- Pemformatan tahap rendah mengambil masa lebih lama daripada “Memformat Kad Memori” (📖101), kerana data dipadamkan daripada semua bahagian simpanan kad memori.
- Anda boleh membatalkan pemformatan tahap rendah yang sedang berlangsung dengan memilih [Berhenti]. Dalam keadaan ini, semua data akan dihapuskan, tetapi kad memori boleh digunakan secara normal.

## ■ Penomboran Fail

Hasil tangkapan anda diberi nombor secara automatik dalam turutan berjujukan (0001 – 9999) dan disimpan dalam folder yang boleh menyimpan sehingga 2,000 imej setiap satu. Anda boleh menukar cara kamera menetapkan nombor fail.



- Pilih [Penomboran Fail] dan kemudian pilih satu pilihan.

Berterusan	Imej diberi nombor secara berturutan (sehingga tangkapan ke-9999 diambil/disimpan) walaupun jika anda mengganti kad memori.
Auto reset	Penomboran imej ditetapkan semula ke 0001 jika anda mengganti kad memori atau apabila folder baru dicipta.



- Tidak kira pilihan yang dipilih dalam tetapan ini, tangkapan mungkin akan diberi nombor secara berturutan mengikut nombor terakhir dari imej yang sedia ada pada kad memori yang baru dimasukkan. Untuk mula menyimpan tangkapan dari 0001, gunakan kad memori yang kosong (atau diformat, 📖101).



## Penyimpanan Imej Berasaskan Tarikh

Selain penyimpanan imej dalam folder yang dicipta setiap bulan, anda boleh menetapkan kamera agar mencipta folder bagi setiap hari anda membuat tangkapan untuk menyimpan tangkapan pada hari tersebut.



- Pilih [Cipta Folder] dan kemudian pilih [Setiap hari].
- Imej kini akan disimpan dalam folder yang dicipta pada tarikh tangkapan.

## Paparan Metrik / Bukan Metrik

Tukar unit ukuran yang ditunjukkan dalam maklumat ketinggian GPS (📖93), bar zum (📖24) dan lain-lain daripada m/cm kepada kaki/inci mengikut keperluan.



- Pilih [Units] dan kemudian pilih [ft/in].

## Memeriksa Logo Pensijilan

Setengah logo untuk keperluan pensijilan yang dipatuhi oleh kamera dapat dilihat pada skrin. Logo pensijilan yang lain dicetak dalam panduan ini, pada pakej kamera atau pada badan kamera.



- Pilih [Papar logo pensijilan] dan kemudian tekan butang [📷].

## Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut keperluan.



- Pilih [Bahasa 🇲🇾] dan kemudian tekan butang [📷].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih bahasa dan kemudian tekan butang [📷].



- Anda juga boleh mengakses skrin [Bahasa] dalam mod Main balik dengan menekan dan menahan butang [📷] dan segera menekan butang [MENU].




## Melaraskan Tetapan Lain

Tetapan berikut juga boleh dilaraskan pada tab [🔧].

- [Sistem video] (📖109)
- [Tetapan Wayarles] (📖69)

## Memulihkan Tetapan Lalai Kamera

Jika anda menukar sesuatu tetapan secara tidak sengaja, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera.



### 1 Akses skrin [Reset Semua].

- Pilih [Reset Semua] dan kemudian tekan butang [⏻].

### 2 Pulihkan tetapan lalai.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⏻].
- Tetapan lalai kini dipulihkan.



- Fungsi berikut tidak dipulihkan ke tetapan lalai.
  - Tetapan tab [🔧] [Hb/Masa] (📖99), [Zon masa] (📖99), [Bahasa] (📖103) dan [Sistem video] (📖109)
  - Data white balance tersuai yang telah anda rekod (📖47)
  - Mod penangkapan (📖37)

# Aksesori

Nikmati kamera melalui lebih banyak cara dengan aksesori pilihan Canon dan aksesori serasi lain yang dijual berasingan

<b>Peta Sistem</b> .....	<b>106</b>	<b>Menggunakan Aksesori Pilihan</b> .....	<b>108</b>	<b>Mencetak Imej</b> .....	<b>112</b>
<b>Aksesori Pilihan</b> .....	<b>107</b>	Main Balik pada TV .....	108	Cetak Mudah.....	112
Bekalan Kuasa .....	107	<b>Menggunakan Perisian</b> .....	<b>109</b>	Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan .....	113
Unit Denyar .....	107	Memeriksa Persekitaran Komputer Anda.....	109	Mencetak Adegan Filem.....	115
Aksesori Lain.....	107	Memasang Perisian .....	110	Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)...	116
Pencetak .....	107	Menyimpan Imej ke Komputer .....	110	Menambah Imej ke Buku Foto .....	118
Simpanan Foto dan Filem.....	108				

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



## Peta Sistem



\*1 Juga tersedia untuk pembelian berasingan.

\*2 Aksesori Canon tulen juga tersedia (Kabel Antara Muka IFC-400PCU).

\*3 Gunakan perisian tegar yang terbaharu.

## Penggunaan aksesori Canon yang tulen adalah disarankan.

Produk ini direka bentuk untuk mencapai prestasi yang cemerlang apabila digunakan bersama aksesori Canon yang tulen.

Canon tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan produk dan/atau kemalangan seperti api, dll yang disebabkan oleh kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen (mis., kebocoran dan/atau letupan pek bateri). Sila ambil perhatian bahawa apa-apa pembaikan produk Canon anda yang mungkin diperlukan akibat daripada kepincangan demikian tidak dilindungi di bawah waranti dan akan dikenakan bayaran.

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



## Aksesori Pilihan

Aksesori kamera berikut dijual berasingan. Ambil perhatian bahawa ketersediaan berbeza mengikut kawasan dan sesetengah aksesori mungkin sudah tidak tersedia lagi.

## Bekalan Kuasa



### Pek Bateri NB-11LH

- Bateri litium-ion boleh dicas semula

### Pengecas Bateri CB-2LFE

- Pengecas bagi Pek Bateri NB-11LH dan NB-11L.



- Pek bateri disertakan dengan penutup mudah yang anda boleh pasang untuk mengetahui status pengecasan dengan pandangan sepintas lalu. Pasangkan penutup supaya ▲ kelihatan pada pek bateri dicas penuh dan pasangannya supaya ▲ tidak kelihatan pada bateri yang tidak dicas.
- Pek Bateri NB-11L juga disokong.
- Pek Bateri CB-2LD juga disokong.



- Pengecas bateri boleh digunakan di kawasan dengan kuasa 100 – 240 V AC (50/60 Hz).
- Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang boleh didapati secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.


## Unit Denyar



### Denyar Kuasa Tinggi HF-DC2


- Denyar luaran untuk menerangi subjek yang berada di luar julat denyar terbina dalam.

## Aksesori Lain



### Kabel Antara Muka IFC-400PCU

- Untuk menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak.



### Kabel AV AVC-DC400

- Sambungkan kamera ke TV untuk menikmati main balik pada skrin TV yang lebih besar.

## Pencetak



### Pencetak Serasi PictBridge Jenama Canon

- Mencetak imej tanpa komputer boleh dilakukan dengan menyambungkan kamera secara langsung ke pencetak. Untuk butiran, lawati peruncit Canon yang terdekat dengan anda.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Simpanan Foto dan Filem



### Connect Station CS100

- Hub media untuk menyimpan imej kamera, melihat imej pada TV bersambung, mencetak secara wayarles pada pencetak serasi Wi-Fi, berkongsi melalui Internet dan banyak lagi.

## Menggunakan Aksesori Pilihan

Imej Pegun

Filem

### Main Balik pada TV



Imej Pegun

Filem

Menyambungkan kamera ke TV dengan Kabel AV AVC-DC400 (dijual berasingan) membolehkan anda melihat tangkapan anda pada skrin TV yang lebih besar ketika mengawal kamera. Untuk butiran mengenai sambungan atau cara menukar input, rujuk kepada manual TV.



- Sesetengah maklumat mungkin tidak dapat dipaparkan apabila melihat imej pada TV (128).



- 1 Pastikan kamera dan TV dimatikan.
- 2 Sambungkan kamera ke TV.

- Pada TV, masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam input video seperti yang ditunjukkan.
- Pada kamera, buka penutup terminal dan masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam terminal kamera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks







### 3 Hidupkan TV dan tukar kepada input video.

- Tukar input TV kepada input luaran yang anda sambungkan kabel padanya dalam langkah 2.


### 4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang  untuk menghidupkan kamera.
- Imej dari kamera kini dipaparkan pada TV. (Skrin kamera tidak memaparkan apa-apa.)
- Apabila selesai, matikan kamera dan TV sebelum mencabut kabel.

- ⚠ • Paparan yang betul tidak berfungsi melainkan format output video kamera (NTSC atau PAL) sesuai dengan format TV. Untuk menukar format output video, tekan butang [MENU] dan pilih [Sistem video] pada tab . (Untuk Jepun, pilih [NTSC].)

## Menggunakan Perisian

Untuk menggunakan ciri perisian berikut, muat turun perisian dari laman web Canon dan pasangkannya pada komputer anda.

- CameraWindow
  - Hantar imej ke komputer anda
- Image Transfer Utility
  - Sediakan Penyegerakan Imej 91 dan terima imej
- Map Utility
  - Gunakan peta untuk melihat maklumat GPS yang ditambah ke imej

- ⚠ • Untuk melihat dan mengedit imej pada komputer, gunakan perisian yang sudah dipasang atau tersedia umum yang serasi dengan imej yang ditangkap oleh kamera.

## Memeriksa Persekitaran Komputer Anda

Untuk keperluan sistem perisian dan maklumat keserasian yang terperinci (termasuk sokongan dalam sistem pengendalian yang baharu), lawati laman web Canon.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Memasang Perisian

Windows 7 dan Mac OS X 10.8 digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja.

### 1 Muat turun perisian.

- Dengan komputer yang disambungkan ke Internet, akses <http://www.canon.com/icpd/>.
- Akses laman untuk negara atau daerah anda.
- Muat turun perisian.

### 2 Pasangkan fail.

- Klik [Easy Installation] dan ikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan proses pemasangan. Pemasangan mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada prestasi komputer dan sambungan Internet.
- Klik [Finish] atau [Restart] pada skrin selepas pemasangan.





- ! Akses Internet diperlukan dan sebarang caj akaun ISP dan bayaran akses mesti dibayar secara berasingan.



- Untuk menyahpasang perisian, ikuti langkah di bawah.
  - Windows: Pilih menu [Start] ► [All Programs] ► [Canon Utilities] dan kemudian pilih perisian untuk dinyahpasang.
  - Mac OS: Dalam folder [Canon Utilities] di dalam folder [Applications], seret folder perisian untuk dinyahpasang ke Trash dan kemudian kosongkan Trash.

## Menyimpan Imej ke Komputer



Dengan menggunakan kabel USB (dijual berasingan; hujung kamera: Mini-B), anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan menyimpan imej ke komputer.



### 1 Sambungkan kamera ke komputer.

- Dengan kamera dimatikan, buka penutup (1). Dengan palam kabel USB yang lebih kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera (2).
- Masukkan palam kabel USB yang lebih besar ke dalam port USB komputer. Untuk butiran mengenai sambungan USB pada komputer, rujuk kepada manual pengguna komputer.

### 2 Hidupkan kamera untuk mengakses CameraWindow.

- Tekan butang  untuk menghidupkan kamera.
- Mac OS: CameraWindow dipaparkan apabila sambungan diwujudkan antara kamera dan komputer.
- Windows: Ikuti langkah yang ditunjukkan di bawah.
- Pada skrin yang dipaparkan, klik pautan menukar program .

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Pilih [Downloads Images From Canon Camera] dan kemudian klik [OK].

- Dwiklik .

### 3 Simpan imej ke komputer.

- Klik [Import Images from Camera] dan kemudian klik [Import Untransferred Images].
- Imej kini disimpan dalam folder Pictures pada komputer, dalam folder berasingan yang dinamakan berdasarkan tarikh.
- Selepas imej disimpan, tutup CameraWindow, tekan butang  untuk mematikan kamera dan mencabut kabel.
- Untuk melihat imej yang anda simpan dalam komputer, gunakan perisian yang sudah dipasang atau tersedia umum yang serasi dengan imej yang ditangkap oleh kamera.



- Windows 7: Jika skrin dalam langkah 2 tidak dipaparkan, klik ikon  pada bar tugas.
- Mac OS: Jika CameraWindow tidak dipaparkan selepas langkah 2, klik ikon [CameraWindow] pada Dock.
- Walaupun anda boleh menyimpan imej ke komputer hanya dengan menyambungkan kamera anda ke komputer tanpa menggunakan perisian, batasan berikut dikenakan.
  - Selepas anda menyambungkan kamera ke komputer, ia mungkin mengambil masa beberapa minit hingga imej dalam kamera boleh diakses.
  - Imej yang ditangkap dalam orientasi menegak mungkin akan disimpan dalam orientasi mendatar.
  - Tetapan perlindungan imej mungkin dipadamkan daripada imej yang disimpan dalam komputer.
  - Sesetengah masalah mungkin berlaku apabila menyimpan imej atau maklumat imej, bergantung pada versi sistem pengendalian, perisian yang sedang digunakan atau saiz fail imej.





## Mencetak Imej

Tangkapan anda boleh dicetak dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak. Pada kamera, anda boleh menentukan imej untuk menyediakan pencetakan berkelompok, menyiapkan pesanan untuk perkhidmatan pencucian foto dan menyiapkan pesanan atau mencetak imej untuk buku foto.

Pencetak foto padat siri SELPHY CP Canon digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Skrin yang dipaparkan dan fungsi yang tersedia berbeza mengikut pencetak. Rujuk juga kepada manual pencetak untuk maklumat tambahan.

## Cetak Mudah



Cetak tangkapan anda dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge (dijual berasingan) dengan kabel USB.



### 1 Pastikan kamera dan pencetak dimatikan.

### 2 Sambungkan kamera ke pencetak.

- Buka penutup terminal. Dengan memegang palam kabel yang kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera.
- Sambungkan palam kabel yang lebih besar ke pencetak. Untuk butiran sambungan yang lain, rujuk kepada manual pencetak.



### 3 Hidupkan pencetak.

### 4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.

### 5 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

### 6 Akses skrin pencetakan.

- Tekan butang [⊕], pilih [Ⓜ] dan tekan butang [⊕] sekali lagi.

### 7 Cetak imej tersebut.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Cetak] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Pencetakan kini bermula.
- Untuk mencetak imej lain, ulangi prosedur di atas bermula dari langkah 5 setelah pencetakan selesai.
- Apabila anda sudah selesai mencetak, matikan kamera dan pencetak dan putuskan sambungan kabel.



- Untuk pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan), lihat "Pencetak" (107).

## Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan



### 1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (📖112) untuk mengakses skrin di sebelah kiri.

### 2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan.

👤	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Hb	Mencetak imej dengan penambahan tarikh.
	Nombor fail	Mencetak imej dengan penambahan nombor fail.
	Kedua-dua	Mencetak imej dengan penambahan tarikh dan nombor fail.
🖼️	Padam	–
	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Padam	–
	On	Menggunakan maklumat dari waktu penangkapan untuk mencetak dengan tetapan yang optimum.
👁️	Red-Eye1	Membetulkan mata merah.
	Jumlah Salinan	Pilih jumlah helaian yang akan dicetak.
<b>Memotong</b>	–	Menentukan kawasan imej yang ingin dicetak (📖113).
<b>Settin Kertas</b>	–	Tentukan saiz, tataletak dan butiran lain bagi kertas (📖114).

## Memotong Imej sebelum Mencetak

Dengan memotong imej sebelum mencetak, anda boleh mencetak kawasan imej yang diinginkan sahaja, bukan keseluruhan imej.



### 1 Pilih [Memotong].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖113) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Memotong] dan tekan butang [📄].
- Bingkai pemotongan kini dipaparkan, menunjukkan kawasan imej untuk dicetak.

### 2 Laraskan bingkai pemotongan mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum.
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk memutar bingkai, tekan butang [🔄].
- Tekan butang [MENU], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📄].

### 3 Cetak imej tersebut.

- Ikuti langkah 7 dalam “Cetak Mudah” (📖112) untuk mencetak.



- Pemotongan mungkin tidak boleh dilakukan pada saiz imej kecil atau pada sesetengah nisbah bidang.
- Tarikh mungkin tidak dicetak dengan betul jika anda memotong imej yang ditangkap dengan [Cop Tarikh 📅] dipilih.




## Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak




### 1 Pilih [Settin Kertas].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖 113) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Settin Kertas] dan tekan butang [⏏].



### 2 Pilih saiz kertas.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [⏏].



### 3 Pilih jenis kertas.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [⏏].



### 4 Pilih tataletak.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan.
- Apabila memilih [N-up], tekan butang [◀][▶] untuk menentukan jumlah imej bagi setiap helaian.
- Tekan butang [⏏].

### 5 Cetak imej tersebut.

## Pilihan Tataletak Tersedia

Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
Berbingkai	Mencetak dengan ruang kosong di sekeliling imej.
Tiada tepi	Tanpa bingkai, pencetakan pinggir-ke-pinggir.
N-up	Pilih jumlah imej untuk dicetak pada setiap helaian.
Gambar ID	Mencetak imej untuk tujuan pengenalan. Hanya tersedia untuk imej dengan tetapan piksel L.
Saiz tetap	Pilih saiz cetak. Pilih dari 3.5 x 5 inci, poskad atau pencetakan format lebar.



## Mencetak Gambar ID

### 1 Pilih [Gambar ID].

- Ikuti langkah 1 – 4 dalam “Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak” (📖 114), pilih [Gambar ID] dan tekan butang [OK].



### 2 Pilih kepanjangan sisi panjang dan sisi pendek.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item. Pilih kepanjangan dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian tekan butang [OK].


### 3 Pilih kawasan cetakan.

- Ikuti langkah 2 dalam “Memotong Imej sebelum Mencetak” (📖 113) untuk memilih kawasan pencetakan.



### 4 Cetak imej tersebut.

## Mencetak Adegan Filem



### 1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (📖 112) untuk memilih filem. Skrin di sebelah kiri dipaparkan.

### 2 Pilih kaedah pencetakan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [📄] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih kaedah cetakan.

### 3 Cetak imej tersebut.

## Pilihan Pencetakan Filem

Tunggal	Mencetak adegan semasa sebagai imej pegun.
Urutan	Mencetak satu siri adegan, terpisah dengan selang tertentu, pada sehelai kertas. Anda juga boleh mencetak nombor folder, nombor fail dan waktu yang telah berlalu untuk bingkai dengan menetapkan [Penerangan] kepada [On].



- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang dijalankan, tekan butang [OK], pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK] sekali lagi.
- Selepas memaparkan pemandangan untuk mencetak seperti yang diterangkan dalam langkah 2 – 5 “Melihat” (📖 56), anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 1 dengan menekan butang [◀][▶] untuk memilih [📄] dalam panel kawalan filem dan kemudian menekan butang [OK].




## Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)

Pencetakan berkelompok (📖118) dan memesan pencetakan daripada perkhidmatan pencucian foto boleh disediakan dalam kamera. Pilih sehingga 998 imej pada kad memori dan konfigurasi tetapan yang berkaitan, seperti jumlah salinan, seperti berikut. Maklumat pencetakan yang anda sediakan dengan cara ini akan memenuhi standard DPOF (Digital Print Order Format).

## Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan

Tentukan format pencetakan, jika anda ingin menambah tarikh atau nombor fail dan tetapan lain seperti berikut. Tetapan ini digunakan untuk semua imej dalam senarai cetak.



- Tekan butang **[MENU]** dan kemudian pilih **[Settin cetak]** pada tab **[📷]**. Pilih dan konfigurasi item seperti yang diinginkan (📖21).

Jenis cetak	Standard	Satu imej dicetak untuk setiap helaian.
	Indeks	Versi lebih kecil bagi berbilang imej dicetak untuk setiap helaian.
	Kedua-dua	Kedua-dua format indeks dan standard dicetak.
Hb	On	Imej dicetak dengan tarikh penangkapan.
	Padam	–
Nombor fail	On	Imej dicetak dengan nombor fail.
	Padam	–
Hps data DPOF	On	Semua tetapan senarai cetak imej dipadam selepas pencetakan.
	Padam	–




- Dalam sesetengah kes, bukan semua tetapan DPOF anda akan digunakan dalam pencetakan oleh pencetak atau perkhidmatan pencucian foto.
- **[📷]** mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.
- Menetapkan **[Hb]** kepada **[On]** mungkin menyebabkan sesetengah pencetak mencetak tarikh dua kali.



- Menentukan **[Indeks]** akan menghalang anda daripada memilih **[On]** untuk **[Hb]** dan **[Nombor fail]** pada masa yang sama.
- Pencetakan indeks tidak tersedia pada sesetengah pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan).
- Tarikh dicetak dalam format yang sepadan dengan butiran tetapan pada **[Hb/Masa]** pada tab **[📷]** (📖12).



## Menyediakan Pencetakan untuk Imej Individu



### 1 Pilih [Pilih imej & kuantiti].

- Tekan butang [MENU], pilih [Pilih imej & kuantiti] pada tab [📷] dan kemudian tekan butang [📄].

### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📄].
- Sekarang anda boleh menentukan jumlah salinan.
- Jika anda menentukan pencetakan indeks untuk imej, ia dilabelkan dengan ikon [✓]. Untuk membatalkan pencetakan indeks bagi imej, tekan butang [📄] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.

### 3 Tentukan jumlah pencetakan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk menentukan jumlah pencetakan (sehingga 99).
- Untuk menyediakan pencetakan bagi imej lain dan menentukan jumlah pencetakan, ulangi langkah 2 – 3.
- Kuantiti pencetakan tidak boleh ditentukan untuk pencetakan indeks. Anda hanya boleh memilih imej mana yang akan dicetak, dengan mengikut langkah 2.
- Apabila selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.




## Menyediakan Pencetakan untuk Pelbagai Imej




- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Individu” (📖117), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [📄].
- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memilih Julat” (📖61) untuk menentukan imej.
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Urutan] dan kemudian tekan butang [📄].

## Menyediakan Pencetakan untuk Semua Imej



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Individu” (📖117), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [📄].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📄].

## Memadam Semua Imej daripada Senarai Cetak



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Individu” (📖117), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [📄].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📄].



## Mencetak Imej yang Ditambah ke Senarai Cetak (DPOF)




- Apabila imej telah ditambahkan ke senarai cetak (116 – 117), skrin di sebelah kiri dipaparkan selepas anda menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge. Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Cetak sekarang] dan kemudian tekan sahaja butang [MENU] untuk mencetak imej dalam senarai cetak.
- Sebarang kerja cetak DPOF yang anda hentikan buat sementara akan diteruskan dari imej berikutnya.



- [!] mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.

## Menambah Imej secara Berasingan



### 1 Pilih [Pilih].

- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (118), pilih [Pilih] dan tekan butang [MENU].



### 2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [MENU].
- [✓] dipaparkan.
- Untuk memadamkan imej daripada buku foto, tekan butang [MENU] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.
- Apabila selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

## Menambah Imej ke Buku Foto

Buku foto boleh disediakan pada kamera dengan memilih hingga 998 imej pada kad memori dan mengimport imej tersebut ke perisian pada komputer anda, di mana imej tersebut akan disimpan dalam folder tersendiri. Ini akan memudahkan anda apabila memesan cetakan buku foto dalam talian atau mencetak buku foto dengan pencetak anda sendiri.


## Memilih Kaedah Pemilihan



- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Photobok] pada tab [▶] dan kemudian pilih bagaimana anda akan memilih imej.




## Menambah Semua Imej ke Buku Foto



- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖 118), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK].

## Memadam Semua Imej dari Buku Foto



- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖 118), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK].



# Lampiran

Maklumat yang berguna apabila menggunakan kamera

<b>Penyelesaian masalah</b> .....	<b>121</b>	<b>Jadual Fungsi dan Menu</b> .....	<b>129</b>	<b>Peringatan Pengendalian</b> .....	<b>135</b>
<b>Mesej Pada Skrin</b> .....	<b>124</b>	Fungsi Tersedia dalam Setiap Mod		<b>Spesifikasi</b> .....	<b>135</b>
<b>Maklumat Pada Skrin</b> .....	<b>127</b>	Penangkapan .....	129		
Penangkapan (Paparan Maklumat) .....	127	Menu FUNC. ....	130		
Main Balik (Paparan Maklumat Terperinci) .....	128	 Tab Penangkapan .....	132		
		 Tab Persediaan .....	134		
		 Tab Main Balik .....	134		
		 Tab Cetak .....	134		
		Menu FUNC. Mod Main Balik.....	134		

Sebelum  
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto

Mod Penangkapan  
Lain

Mod P

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



## Penyelesaian masalah

Jika anda fikir terdapat masalah dengan kamera, periksa terlebih dahulu perkara berikut. Jika item di bawah tidak menyelesaikan masalah anda, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

### Kuasa

**Tiada apa yang terjadi apabila butang kuasa ditekan.**

- Pastikan pek bateri telah dicas (📖10).
- Pastikan pek bateri dimasukkan menghadap arah yang betul (📖11).
- Pastikan penutup kad memori/bateri ditutup dengan sepenuhnya (📖11).
- Terminal bateri yang kotor mengurangkan prestasi bateri. Cuba bersihkan terminal dengan swab kapas dan masukkan kembali pek bateri beberapa kali.

**Pek bateri kehabisan kuasa dengan cepat.**

- Prestasi bateri menurun pada suhu rendah. Cuba hangatkan pek bateri sedikit dengan meletakkannya di dalam poket anda, sebagai contoh, pastikan bahawa terminal tidak menyentuh sebarang benda logam.
- Jika langkah ini tidak membantu dan pek bateri masih kehabisan kuasa dengan cepat setelah dicas, bateri sudah mencapai akhir hayatnya. Beli pek bateri yang baharu.

**Lensa tidak ditarik balik.**

- Jangan buka penutup kad memori/bateri ketika kamera dihidupkan. Tutup penutup, hidupkan kamera dan kemudian matikan ia semula (📖11).

**Pek bateri bengkak.**

- Pembengkakan bateri adalah normal dan tidak menimbulkan masalah keselamatan. Namun, jika pembengkakan bateri menghalang pek bateri dimasukkan ke dalam kamera, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

### Papar pada TV

**Imej kamera kelihatan herot atau tidak dipaparkan pada TV (📖109).**

### Menangkap

**Tidak boleh tangkap.**

- Dalam mod Main balik (📖55), tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖19).

**Paparan yang pelik pada skrin dalam cahaya malam (📖19).**

**Paparan yang pelik pada skrin apabila menangkap.**

Ambil perhatian bahawa masalah paparan berikut tidak dirakam dalam imej pegun tetapi dirakam dalam filem.

- Skrin mungkin menjadi lebih gelap di bawah cahaya yang terang.
- Skrin mungkin berkelip di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED.
- Jaluran keuguan mungkin muncul pada skrin jika anda menggubah tangkapan yang melibatkan sumber cahaya yang terang.

**Tiada cop tarikh ditambahkan pada imej.**

